



Laporan Tahunan 2019

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



KERTAS STATUT ST.119 Tahun 2021

MALAYSIA

**DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT / NEGARA MENURUT
STATUT**



Laporan Tahunan 2019

Isi Kandungan

Visi, Misi, Hala Tuju dan Moto	6
Falsafah Pendidikan Universiti	7
Sejarah Universiti	8
UTHM Melangkah ke Hadapan	10
Canselor	17
Pro-Canselor	19
Lembaga Pengarah Universiti	22
Ahli Eksekutif Universiti	23
Ahli Senat Universiti	24
Aluan Pengerusi	26
Tinta Naib Canselor	27
Petunjuk Prestasi Utama 2019	28
Bab 1 Pencapaian UTHM 2019	30
Bab 2 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	44
Bab 3 Akademik dan Antarabangsa	54
Bab 4 Penyelidikan dan Inovasi	82
Bab 5 Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	96
Bab 6 Pembangunan, Pengurusan Fasilitas dan ICT	114
Bab 7 Hubungan Komuniti dan Jaringan Industri	132
Bab 8 Laporan Kewangan	144

VISI

Menuju ke arah Universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari

MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi berasaskan paradigma tauhid

HALA TUJU

Membangun Universiti Teknologi Lestari Masa Depan

MOTO

Dengan Hikmah Kita Meneroka

SLOGAN

UTHM Produces Professionals

BIDANG TUJAH

Teknologi Lestari dan Pengangkutan

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI

Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan

SEJARAH UNIVERSITI



Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Pada 12 April 1996, PLSP dijenamakan sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) dengan mengekalkan fungsinya untuk melatih tenaga pengajar di Politeknik seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, ITTHO terus berkembang dengan jumlah pelajar dan

program akademiknya ditingkatkan bagi terus memenuhi keperluan tenaga pengajar yang disasarkan.

Pada 27 September 2000, sejarah terpahat apabila ITTHO telah dinaiktaraf sebagai sebuah kolej universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dengan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO). Untuk terus melebarkan fungsinya dalam arena pendidikan tinggi negara, bermula 1 Februari 2007 KUITTHO dijenamakan sekali lagi dengan nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

UTHM KAMPUS PARIT RAJA

Kampus tetap UTHM di Parit Raja menempatkan 6 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP), Fakulti Pendidikan Teknik & Vokasional (FPTV) dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM). UTHM Parit Raja ini juga turut menempatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang bertaraf fakulti seperti Pusat Pengajian Siswazah (PS), Pusat Pengajian Bahasa (PPB) dan Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum (PPUK).

UTHM KAMPUS PAGOH

UTHM juga beroperasi di Pagoh yang dikenali sebagai UTHM Kampus Pagoh yang terletak lebih kurang 83km daripada UTHM Kampus Parit Raja. UTHM Kampus Pagoh menempatkan 3 buah fakulti iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD).

UTHM KAMPUS TANJUNG LABOH

UTHM juga mempunyai kampus di Tanjung Laboh yang terletak lebih kurang 23 kilometer daripada UTHM Parit Raja. Kampus Tanjung Laboh ini menempatkan pusat latihan UTHM yang dikenali sebagai Pusat Minda Emas (PUMAS) UTHM yang melaksanakan latihan dan kursus. Pusat latihan ini juga turut dibuka untuk sewaan kepada organisasi luar. UTHM Kampus Tanjung Laboh bakal menempatkan Pusat Latihan Bertauliah Penerbangan dan Penyelenggaraan Pesawat UTHM yang masih dalam proses pembinaan.



UTHM Melangkah Ke Hadapan

UTHM sentiasa komited untuk meningkatkan prestasi dan terus relevan dalam industri pendidikan tinggi negara. Kerjasama berpasukan di antara ahli akademik dan pentadbiran universiti mendorong ke arah penghasilan idea dinamik dalam merancang masa hadapan dan hala tuju universiti.

Justeru, untuk terus melangkah ke hadapan, UTHM pada masa ini memfokuskan kepada pembangunan program akademik yang menjurus kepada bidang tujuh universiti iaitu teknologi lestari dan pengangkutan, antaranya memperkasakan program aeronautik melalui penubuhan Asia Aeronautical Training Academy (AATA) dan pelaksanaan Projek Dron Kargo (C-Drone). UTHM juga melebarkan jaringan hubungan kerjasama dengan pihak industri melalui penubuhan Makmal Inovasi UTHM-Fraunhofer. Bagi meningkatkan lagi kecemerlangan staf akademik terutamanya UTHM juga buat julung kalinya telah menganjurkan Anugerah Inspirasi Cendekiawan (AIC).



Rajah 1: Hala Tuju UTHM

Memperkasakan Program Aeronautik Melalui Penubuhan AATA

Tahun 2019 memperlihatkan perancangan UTHM berkaitan program aeronautik semakin diperkasakan melalui penubuhan Asia Aeronautical Training Academy (AATA). Kejayaan ini menjadikan UTHM sebagai Universiti Awam pertama di Malaysia yang memiliki akademik penerbangan yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Sijil kelulusan (*Certificate of Approval*) yang diterima daripada CAAM pada 6 September 2019 telah menjadikan AATA sebagai Organisasi Latihan Penerbangan (ATO-FTO) yang kelima di Malaysia yang diiktiraf oleh CAAM bagi kategori pesawat fixed-wing. AATA merupakan hasil kerjasama pintar yang dijalinan oleh UTHM Holding Sdn. Bhd (UHSB) bersama ATAS Aeronautik Sdn. Bhd. AATA buat masa ini beroperasi di kampus induk UTHM Parit Raja dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru.

Di bawah Peraturan 64, Peraturan Penerbangan Awam Malaysia 2016, AATA diberi kuasa untuk menawarkan program latihan dan menjalankan peperiksaan untuk pelbagai jenis lesen penerbangan profesional dan persendirian. Selain daripada itu Program latihan yang diintegrasikan dengan program akademik universiti melalui Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian dan Program Eksekutif Diploma Penerbangan Profesional membolehkan produk keluaran AATA ini memiliki lesen juruterbang profesional berserta segulung ijazah atau diploma. Dengan moto *INSPIRE TO BE THE BEST*, AATA komited untuk menjadi akademi latihan aeronautik perdana yang global, membawa inspirasi dan inovasi kepada sumber tenaga kerja sektor penerbangan pada masa hadapan.



Foto 1: Antara barisan penggerak Asia Aeronautical Training Academy (AATA)

Projek Dron Kargo (C-Drone)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bakal menempa nama di persada teknologi dan pengangkutan barang-barang di Malaysia dengan menerajui penghasilan dron kargo pertama yang bersaiz besar yang diberi nama C-Drone. Tidak seperti dron-dron yang sedia ada dipasaran, keunikan C-Drone terletak pada fungsinya kerana ianya bertujuan untuk mengangkut dan menghantar barangan dari satu tempat ke tempat lain dan menjadi antara medium baharu sistem pengangkutan dan penghantaran barang. Biarpun dipanggil dron kargo, namun peranannya boleh digunakan dalam aplikasi lain seperti penyemburan baja, mencari dan menyelamatkan, memadam kebakaran atau sebagai dron penumpang.

Apabila C-Drone ini berjaya disiapkan, ia bakal mencipta sejarah kerana ini satu-satunya dron kargo bersaiz besar dengan berat melebihi 400 kilogram (kg) yang pertama seumpamanya dibangunkan di Malaysia dengan keupayaan membawa muatan sehingga 180 kg dan terbang selama dua jam.

Projek C-Drone ini dimulakan pada Jun 2019 dan dijangka siap awal tahun 2021 membabitkan 45 ahli penyelidik terdiri daripada pensyarah, pembantu jurutera dan penuntut dari bidang kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, pengurusan teknologi dan perniagaan serta kejuruteraan teknologi yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zamri Bin Omar selaku ketua projek. Projek ini juga mendapat pandangan daripada ramai pakar dari pelbagai universiti dan pihak industri, manakala dana projek sekitar RM1 juta dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).



Foto 2: Pasukan projek dron kargo UTHM

Kerjasama Pintar UTHM-Fraunhofer Institute For Mechatronic Systems Design

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengorak langkah ke hadapan dengan menubuhkan makmal inovasi pertama di Malaysia dengan kerjasama *Fraunhofer Institute for Mechatronic Systems Design* dari Jerman. Inisiatif ini bertujuan untuk membawa model Fraunhofer ke ekosistem inovasi tanah air dan disokong oleh Kementerian Pendidikan dan Penyelidikan Jerman (BMBF) dengan pelaburan dana sebanyak € 650,000 (Euro) selama 5 tahun. *Fraunhofer Society* merupakan organisasi penyelidikangunaan terbesar di Eropah.

Dengan menggabungkan ruang ideasi, ruang penciptaan dan ruang demonstrasi teknologi Revolusi Industri 4.0, makmal inovasi ini menawarkan persekitaran kerja yang penuh inspirasi dari penjaan idea sehingga ke perancangan perniagaan untuk mengubah sesebuah idea menjadi kisah kejayaan. Bertindak sebagai stesen pemindahan ilmu dan teknologi, makmal inovasi ini membantu staf dan pelajar UTHM mendampingi rakan industri bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan sekali gus meningkatkan mutu penyelidikan dan akademik universiti.

Sejak dilancarkan pada awal tahun 2019, pasukan makmal inovasi telah menjayakan pelbagai usahasama berimpak tinggi, antaranya Corporate Makeathon dan *Problem-Solution-Fit Workshop* bersama Petronas, *German Day 2020* bersama Kedutaan Jerman Kuala Lumpur dan *German-Academic Exchange Service (DAAD)*. Anugerah yang diperolehi termasuk Anugerah *Most Inspiring Ecosystem* oleh *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)*.




Foto 3: Majlis Perasmian makmal inovasi UTHM-Fraunhofer



Foto 4: Sijil Anugerah *Most Inspiring System*

Anugerah Inspirasi Cendekiawan (AIC) UTHM

UTHM telah buat julung kalinya menganjurkan Anugerah Inspirasi Cendekiawan (AIC) UTHM pada tahun 2019 yang merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan atas pencapaian cemerlang staf akademik UTHM yang diadakan pada 12 Disember 2019 di UTHM. Seramai 27 orang pemenang telah diraikan bagi ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan.

Tiga kategori yang dipertandingkan adalah Anugerah Inspirasi Cendekiawan (Pembelajaran dan Pengajaran), Anugerah Inspirasi Cendekiawan (Penyelidikan dan Inovasi) dan Anugerah Inspirasi Cendekiawan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).



Foto 5: Anugerah Inspirasi Cendekiawan 2019



Foto 6: Majlis Anugerah Inspirasi Cendekiawan (AIC) UTHM 2019

Canselor



**DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**

Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

Pro-Canselor



DULI YANG AMAT MULIA
TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM

Tunku Mahkota Johor

Pro-Cancellor



YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA

Lembaga Pengarah Universiti

Pengerusi



YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman

Pengarah Urusan dan Naib Presiden
Lumileds Malaysia Sdn Bhd

Ahli



YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly

Naib Canselor
UTHM



YBhg. Datuk Ts. Dr. Pang Chau Leong

Wakil Alumni



YBhg. Dato' Dr. Ir. Haji Abdul Rashid bin Maidin

Pengarah Urusan
Pusat Bertauliah Akademik
Profesional KOSAS



YBhg. Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah

Timbalan Setiausaha
Bahagian Antarabangsa,
Kementerian Kewangan



YBhg. Encik Ahmad Luqman bin Mohd. Azmi

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan
Malaysia Airlines Berhad



YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar

Ahli - Wakil Perkhidmatan Awam
(Kementerian Pendidikan Tinggi)



YBhg. Prof. Dr. Mohd Idrus bin Mohd Masirin

Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Awam dan
Alam Bina, UTHM



YB Dato' Haji Nooh bin Gadot

Penasihat
Majlis Agama Islam Negeri Johor
(MAIJ)



YBhg. Datuk Mat Noor bin Nawar

(Tamat pada 30 April 2019)
Pengerusi Exim Bank Berhad



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz

(Tamat pada 28 April 2019)
Ahli - Wakil Perkhidmatan Awam
(Kementerian Pendidikan Tinggi)

Setiausaha



YBrs. Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman

Pendafatar
UTHM

Ahli Eksekutif Universiti



Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid
bin Razzaly
Naib Canselor



Prof. Dr. Ismail
bin Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



Prof. Ts. Dr. Ruzairi
bin Abdul Rahim
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



Prof. Madya Dr.
Afandi bin Ahmad
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



Prof. Dato' Dr. Abdul Razak
bin Hj. Omar
Provost UTHM Kampus
Cawangan Pagoh



Encik Abdul Halim
bin Abdul Rahman
Pendaftar



Cik Azizah
binti Nasri
Bendahari



Puan Norlia
binti Yaakub
Penasihat
Undang-Undang



Prof. Ts. Dr. Ahmad Tarmizi
bin Abd Karim
Penolong Naib Canselor
(Perancangan Strategik
& Perhubungan Korporat)



Prof. Madya Dr. Wan Fauziah
binti Wan Yusoff
Penolong Naib Canselor
(Kelestarian Kewangan)

AHLI SENAT

Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly
Naib Canselor/Pengerusi

Profesor Dr. Ismail bin Abdul Rahman
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Ts. Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd. Karim
Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat)

Profesor Dr. Wan Fauziah @ Wan Fauzi binti Wan Yusoff
Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan)

Profesor Dato' Dr. Abdul Razak bin Hj. Omar
Provost UTHM Kampus Pagoh

Profesor Dr. Azme bin Khamis
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan Bin Juki
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina

Profesor Madya Dr. Rosli bin Omar
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Dr. Shahrudin bin Mahzan@Mohd Zin
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Madya Dr. Mohd. Lizam bin Mohd. Diah
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan

Profesor Madya Ts. Dr. Abdul Rasid Bin Abdul Razzaq
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional

Profesor Madya Ts. Dr. Azizul Azhar Bin Ramli
Dekan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

Profesor Madya Dr. Mohd. Kamarulzaki bin Mustafa
Dekan Fakulti Sains Gunaan & Teknologi

Profesor Madya Amran bin Mohd Zaid
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Mohamad Zaky bin Noh
Dekan Pusat Pengajian Diploma

Profesor Madya Dr. Khairul Azman bin Mohamad Suhaimy
Dekan Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum

Dr. Zailin Shah binti Yusoff
Dekan Pusat Pengajian Bahasa

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Pengarah Pusat Pembangunan & Latihan Akademik

Profesor Dr. Rosman Bin Md. Yusoff
Pengarah Institut Transformasi Sosial & Pembangunan Wilayah

Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz bin Abdul Samad
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina

Profesor Dr. Mohd. Idrus bin Mohd. Masirin
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina

Profesor Dr. Mohammad Faiz Liew bin Abdullah
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Dr. Mohd. Amri bin Lajis
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Ir. Dr. Mohd Saidin bin Wahab
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Datin Ts. Dr. Noraini bin Kaprawi
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional

Profesor Sr. Dr. David Martin @ Daud Juanil
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan

Profesor Dr. Roszati binti Ibrahim
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Haji Rozaini Bin Roslan
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi

Profesor Dr. Khalid bin Hasnan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Ir. Shamrul-Mar bin Shamsuddin
Pengarah Pembangunan & Penyenggaraan

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Farhan bin Haji Md. Fudzee
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar / Setiausaha

Cik Azizah binti Nasri
Bendahari

Puan Zaharah Binti Abd Samad
Ketua Pustakawan

Puan Norlia binti Yaakub
Penasihat Undang-Undang

SEKALUNG BUDI SEGUNUNG INTAN



PROFESOR Ts. DR. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM
(Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi)
1 Disember 2016 - 30 November 2019



PROFESOR DATO DR. ABDUL RAZAK BIN HJ. OMAR
(Provost UTHM Kampus Pagoh)
1 Januari 2017 - 31 Disember 2019

ALUAN Pengerusi



Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan ialah titik mulanya. Untuk melahirkan masyarakat yang demokratik, bermoral dan beretika, pendidikan ialah terasnya. Saya percaya, segala pencapaian dan pengiktirafan yang dicapai membuktikan bahawa peranan UTHM di negara ini terus diiktiraf kejayaannya oleh pelbagai pihak dan agensi dari dalam mahupun luar negara. Saya juga yakin bahawa, setiap kejayaan yang dilakar sepanjang tahun 2019 menjadi satu tanda penghargaan dan motivasi untuk UTHM terus cemerlang dan gemilang.

Saya mewakili semua Ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan menjunjung kasih kepada DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Canselor UTHM yang telah memainkan peranan penting dalam menyubur budaya keilmuan serta pembangunan UTHM secara langsung. Ucapan penghargaan juga kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Pro-Canselor, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Senat, staf dan Mahasiswa UTHM yang begitu komited dalam melonjakkan nama UTHM.

Kuatnya sesebuah organisasi ditunjangi oleh kuatnya pemimpin dan ahlinya seperti seponon pokok jati yang dipaksikan oleh akarnya

yang gagah. Pegangan itulah yang menjadi paksi kepada seluruh warga UTHM dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan. Saya percaya pencapaian UTHM pada tahun 2019 adalah hasil usahasama sepasukan yang sentiasa mendepani cabaran yang mendatang. Laporan yang tercatat dalam Laporan Tahunan 2019 ini merupakan bukti kepada usaha dan kecemerlangan yang telah dicurahkan melalui usaha bersama semua warga UTHM.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan serta setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly selaku Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta seluruh barisan kepimpinan tertinggi Universiti kerana sentiasa bersatu padu demi mendepani setiap cabaran dalam mencapai setiap kejayaan bagi Universiti ini. Saya yakin UTHM akan terus melakar kejayaan yang lebih gemilang di peringkat nasional dan juga di peringkat global pada masa hadapan.

Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Illahi agar pencapaian dan kecemerlangan yang diperoleh ini akan berkekalan dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan objektif penubuhan UTHM amnya. Hasrat ini pasti dapat direalisasikan dengan komitmen dan usaha warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

TINTA NAIB CANSOLOR



Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur atas segala nikmat dan rahmat yang dikurniakan olehNya kepada seluruh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), tahun 2019 telah berlalu dengan penuh hikmah. Pelbagai catatan kejayaan mewarnai UTHM selain daripada kita seluruhnya terus melakukan proses penambahbaikan kualiti berterusan ke arah memastikan UTHM terus memacu kecemerlangan di landasan yang betul.

Bagi seluruh warga UTHM, saya merafak sembah merakamkan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim selaku Canselor UTHM dan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Pro-Canselor UTHM atas peranan yang signifikan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan terbaik untuk UTHM kekal relevan, dirujuk dan dihormati. Ucapan terima kasih juga kepada YBhg Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan, YAB Menteri Besar Johor, YBhg Pengerusi Lembaga Pengarah, ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, ahli-ahli Senat, kepimpinan dan seluruh warga UTHM atas segala komitmen ke arah merealisasikan misi dan visi UTHM.

Tahun 2019 telah berlalu dengan pelbagai kejayaan dicatatkan menerusi semua lapangan dan peringkat. Usaha melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berminda keusahawanan yang juga seimbang antara ilmu dan akhlaknya terus menjadi agenda utama Universiti. Pelajar diberikan peluang bukan sahaja untuk membina kematangan minda menerusi aktiviti akademik, malah pelbagai kegiatan luar yang menajamkan kemahiran sosial juga terus dilaksanakan.

Aspek lain yang menyokong peranan UTHM sebagai menara gading kebanggaan masyarakat juga terus diperkasakan menerusi penglibatan aktif ahli akademik dan warga UTHM meneroka pelbagai bidang demi kemakmuran sejagat. Budaya kerjasama dan muafakat dalam kalangan warga UTHM juga pastinya adalah kunci kepada setiap kejayaan, selain usaha yang berterusan tanpa mengenal erti jemu. Justeru, semoga tahun 2019 yang kita tinggalkan mencatat pelbagai hikmah demi kebaikan semua pihak dan seterusnya hasrat kita untuk menjadikan UTHM sebagai Universiti Teknikal bertaraf dunia akan terus secara bersama kita realisasikan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2019

UTHM telah mencatatkan pencapaian sepenuhnya tiga petunjuk prestasi utama berbanding tujuh petunjuk prestasi utama yang ditetapkan pada tahun 2019, iaitu kebolehpasaran graduan, jumlah sitasi staf akademik dan penjanaaan pendapatan sendiri. Empat petunjuk prestasi utama lagi, iaitu penerbitan jurnal, peratus keciciran pelajar (Sarjana & PhD), iGOT (PhD) menunjukkan pencapaian menghampiri sasaran yang ditetapkan.

Jadual 1: Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTHM Tahun 2019

Petunjuk Prestasi Utama	Petunjuk Kecekapan		
	Pencapaian Tahun 2018	Sasaran Tahun 2019	Pencapaian Tahun 2019
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen.	76.38%	80%	95.4%
Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.	1.67	1.6	1.55
Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.	11.87	12.5	31.8
Jumlah penjanaaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus, yang telah ditetapkan.	15.86 %	15.00 %	15.82 %
Peratus keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:			
(i) Sarjana Muda	5.7%	≤ 7%	6.5%
(ii) Sarjana	12.2%	≤ 15%	21%
(iii) PhD	15.9%	≤ 19%	21%
Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:			
(i) Sarjana Muda	85.2%	80%	91.3%
(ii) Sarjana	47.1%	45%	60%
(iii) PhD	34.1%	40%	29%
EPP 12: Menjuarai sebagai Jenama Pendidikan Malaysia pada Peringkat Antarabangsa			
(i) bilangan pelajar antarabangsa; dan	990	1200	1021
(ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah	884	660	758

Kebolehpasaran Graduan

Petunjuk prestasi utama yang pertama adalah merujuk kepada kebolehpasaran graduan UTHM. Pencapaian tahun 2019 menunjukkan data peratusan kebolehpasaran graduan berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) adalah 95.4% termasuk kumpulan graduan yang telah bekerja. Data ini dikemaskini sehingga 29 Februari 2020 dan daripada jumlah keseluruhan graduan yang telah menjawab kajian didapati 66.94% graduan telah bekerja, 21.40% melanjutkan pengajian, 2.66% sedang meningkatkan kemahiran, 4.39% menunggu penempatan pekerjaan manakala graduan yang belum bekerja ialah 4.60%.

Penerbitan

Pada tahun 2019, UTHM telah menghasilkan sebanyak 2,807 penerbitan, iaitu 1070 penerbitan bagi artikel dalam jurnal berindeks Scopus, 360 penerbitan jurnal dan prosiding berindeks selain Scopus, 543 prosiding berindeks Scopus, 55 buku penyelidikan, 411 bab dalam buku penyelidikan dan 368 lain-lain penerbitan (penerbitan artikel dalam majalah, surat khabar, karya asli, kertas polisi, laporan teknikal, penerbitan dari digital atau media cetak).

Penjana Pendapatan

Kemampuan pengurusan kewangan merupakan satu daripada elemen penting dalam pengurusan universiti. Sasaran yang telah ditetapkan iaitu 15% penjana pendapatan sendiri berbanding kos operasi universiti dapat meningkatkan keupayaan universiti dalam menjana kewangan sendiri. Bagi tahun 2019, UTHM telah mencapai keseluruhan 15.82% penjana pendapatan sendiri melalui yuran pelajar, sewaan tempat, denda dan sebagainya.

Peratus Keciciran Pelajar

Keberkesanan operasi sesebuah institusi pendidikan boleh diukur dengan melihat peratus keciciran pelajar di semua peringkat pengajian. Peratus keciciran yang rendah menunjukkan bahawa sesebuah institusi itu berkeadaan baik. Bagi tahun 2019, peratus keciciran pelajar bagi peringkat Sarjana Muda pada kadar 6.5% iaitu kurang daripada 7%. Peratus keciciran pelajar pada peringkat Sarjana pula adalah pada 21%, manakala peratus keciciran pada peringkat PhD ialah 21%. Keciciran peringkat Sarjana dan PhD disebabkan masalah kewangan yang dihadapi pelajar bagi membiayai pengajian masing-masing dan terdapat sebilangan pelajar peringkat Sarjana yang berhenti setelah mendapat kerja dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda.

iGOT Pelajar

Keupayaan sesebuah universiti menghasilkan graduan yang tamat dalam tempoh yang ditetapkan juga adalah satu pengukuran yang dibuat bagi menilai kecekapan operasi sesebuah institusi pendidikan terbabit dari sudut pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sehingga tahun 2019, UTHM telah berjaya mencapai melebihi sasaran iGOT pada peringkat pengajian Sarjana Muda dengan 91.3% graduan dan 60% graduan pada peringkat Sarjana berjaya menamatkan pengajian masing-masing pada tempoh yang ditetapkan. Bagi iGOT PhD, UTHM hanya mencapai 29% berbanding sasaran iaitu 40%.

Pelajar Antarabangsa

Sasaran 1200 orang pelajar antarabangsa telah ditetapkan pada tahun 2019 sebagai usaha meningkatkan jenama pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Usaha ini dilihat berjaya dan berterusan apabila bilangan pelajar antarabangsa meningkat dari 990 orang pada tahun 2018 kepada 1021 orang pelajar antarabangsa pada tahun 2019.

BAB 1

PENCAPAIAN UTHM 2019

PENCAPAIAN UTHM 2019

Pengenalan

UTHM telah mendapat banyak pengiktirafan dan penarafan di sepanjang tahun 2018 sama ada dari segi akademik, penyelidikan, fasiliti, ICT dan juga program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pengiktirafan dan penarafan yang diperolehi daripada peringkat nasional mahupun antarabangsa ini sedikit sebanyak telah membantu menaikkan nama UTHM dan seterusnya memperkenalkan UTHM di persada antarabangsa. Secara tidak langsung UTHM menjadi salah satu duta kecil dalam mempromosikan negara Malaysia kepada masyarakat dunia.

Pengiktirafan & Penarafan UTHM

Penarafan QS Stars Rating 2019

UTHM mendapat penarafan 4 bintang menerusi QS Stars Rating 2019 dengan 7 komponen yang dinilai merangkumi kategori *Teaching*, *Employability*, *Facilities*, *Social Responsibility* dan *Inclusiveness* yang diberikan penarafan 5 bintang. Pencapaian 3 bintang adalah untuk kategori *Research* dan *Internationalization*.



Rajah 1.1: Penarafan QS Stars Rating 2019

Penarafan Webometrics

Penarafan *Webometrics* merupakan sistem penarafan akademik IPT yang dijalankan sebanyak 2 kali setahun oleh *Cybermetrics Lab* iaitu sebuah kumpulan penyelidik terbesar dari Sepanyol (*Scimago*). Buat masa ini lebih kurang 30 ribu institusi pengajian tinggi dari lebih 200 buah negara dinilai penarafan mengikut indikator berikut :

- i) *Presence* : ilmu yang bermanfaat dikongsi bersama masyarakat (5%)
- ii) *Visibility* : impak kandungan web (50%)
- iii) *Openness* : 110 penyelidik yang terkenal (10%)
- iv) *Excellence* : kertas kerja yang diindeks dalam *Google Scholar* dan paling tinggi dirujuk (35%)

Penarafan UTHM dalam *Webometrics* pada Januari 2019 adalah pada kedudukan tempat ke-2 daripada 305 Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia yang dinilai bagi kriteria *Presence Rank*. Pencapaian ini seterusnya meletakkan nama UTHM di kedudukan ke-1551 peringkat universiti dunia dan ke-9 untuk kedudukan Malaysia. Pada penarafan Julai 2019 pula kedudukan bagi kriteria *Presence Rank* kekal di tempat ke-2 daripada 330 Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dan tempat ke-1378 peringkat universiti dunia. Ini juga bermakna UTHM berada pada kedudukan 5% teratas antara 30 ribu Universiti di dunia menurut *Webometrics ini*. Pencapaian ini seterusnya meletakkan UTHM di kedudukan ke-8 Malaysia.

Webometrics RANKING WEB OF UNIVERSITIES

Home » Asia » Malaysia Current edition Universities: July 2019 Edition 2019.2.2 About Us - About Us - Contact Us About the Ranking - Methodology - Objectives - FAQs - Notes - Previous editions Resources - Best Practices MAJESTIC QL2[®] real-time search real-time advantage http://www.scimago.es/ Newsletter E-MAIL *							
Malaysia							
ranking	World Rank	University	Det.	Presence Rank*	Impact Rank*	Openness Rank*	Excellence Rank*
1	352	University of Malaya	→	328	867	500	178
2	538	Universiti Teknologi Malaysia	→	50	1410	563	376
3	582	Universiti Putra Malaysia	→	7	1465	492	495
4	620	Universiti Sains Malaysia	→	552	1285	459	539
5	773	Universiti Kebangsaan Malaysia / National University of Malaysia	→	396	1720	1621	541
6	809	Universiti Teknologi MARA / MARA University of Technology	→	473	1041	915	989
7	1164	International Islamic University of Malaysia	→	875	2280	984	1204
8	1378	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	→	1144	2424	1397	1509
9	1396	Universiti Malaysia Pahang	→	951	3845	1126	1157
10	1485	Universiti Utara Malaysia	→	34	2087	1312	2076
11	1517	Universiti Teknologi PETRONAS	→	129	5393	1206	1058
12	1646	Universiti Malaysia Perlis	→	932	4563	1307	1336
13	1744	Multimedia University	→	4213	2898	1293	1956
14	1786	Universiti Tunku Abdul Rahman	→	2631	4261	1200	1662
15	1789	Universiti Tenaga Nasional	→	2175	3641	1759	1758
16	1794	University of Nottingham Malaysia	→	5392	5227	1445	1282
17	1812	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	→	801	4189	1476	1797
18	2025	Universiti Malaysia Sarawak	→	1326	4711	1302	2062
19	2041	Universiti Malaysia Sabah	→	687	4582	2840	1886
20	2416	Universiti Malaysia Terengganu	→	1415	7428	1468	1968
21	2438	International Medical University	→	7146	5662	1654	2172
22	2660	Sunway University	→	7036	5678	1903	2569
23	2733	Universiti Pendidikan Sultan Idris	→	1099	5237	1989	3081
24	2747	Monash University Malaysia	→	4278	5407	8602	1157

Foto 1.1: Penarafan Webometrics Julai 2019

Penarafan *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme*

UTHM juga pada tahun 2019 telah mendapat penarafan Cemerlang (Aras Keseluruhan 5) bagi '*Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme*' daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan kepada komitmen yang ditunjukkan UTHM selaku organisasi yang mementingkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) mengikut standard dan piawaian yang ditetapkan.



Foto 1.2: Sijil penarafan cemerlang (Aras Keseluruhan 5) *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme*

Kumpulan Inovatif & Kreatif

UTHM pada tahun 2019 telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan memperolehi 2 pingat emas dan Anugerah Inovasi Terbaik di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam 2019, 1 pingat perak dalam kategori pengurusan di *International Convention on QC Circles (ICQCC) 2019* dan penarafan 3 bintang di *Asia Pacific Quality Organization International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2019*.

Jadual 1.1: Pencapaian Kumpulan KIK UTHM

PTJ	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK	KONVESYEN	PENCAPAIAN	MANFAAT PROJEK
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	Q-PPD	Industrial Training Assessment (i-TAS)	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam 2019	Emas (Kategori Pengurusan)	Memudahkan pensyarah untuk memasukkan markah latihan industri.
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	MOSFET	E-Labs	<i>International Convention on QC Circles (ICQCC) 2019</i>	Perak (Kategori Pengurusan)	Memudahkan pencarian item/peralatan di makmal.
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	CEREBROHUB	Smart Lifter	<i>Asia Pacific Quality Organization International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2019</i>	Penarafan 3 bintang	Memudahkan ambulasi pesakit dari bangunan tinggi.
			Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam 2019	1. Emas (Kategori Teknikal) 2. Anugerah Inovasi Terbaik	



Foto 1.3: Pencapaian Kumpulan Inovatif & Kreatif UTHM

1. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam 2019
2. Sijil penghargaan kerajaan negeri Johor atas kejayaan UTHM di Asia Pacific Quality Organization International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2019

ASEAN Outstanding Invention And Innovation Awards dan Anugerah Malaysia's Research Star Award 2019 (Research and Innovation Excellence)

Penyelidik UTHM, Dr. Norfaiza Binti Puad telah berjaya menerima pengiktirafan 'ASEAN Outstanding Invention and Innovation Awards' melalui projek 'Development Of A 3D EEG Feature Extraction For Brain Balanced Index (BBI) Using Artificial Neural Network (ANN)' menewaskan 600 peserta lain di 'Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX2019)'. Projek ini merupakan kerjasama penyelidik UTHM, Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertujuan mengesan gelombang pada otak manusia. Menerusi inovasi ini, alat berkenaan mempunyai enam pengesan yang dipasang pada beberapa bahagian kepala manusia, di samping dapat mengesan gelombang seperti alfa, beta, theta serta delta. Hasil cerapan keempat-empat gelombang, kumpulan ini berjaya membangunkan satu aplikasi mudah alih yang berupaya memformulasi dan menghasilkan beberapa pengukur keadaan manusia serta boleh digunakan mengikut bidang kajian dijalankan.

Seorang penyelidik UTHM juga, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Ahmad telah berjaya menerima pengiktirafan Malaysia's Research Star Award 2019 (Research and Innovation Excellence). Anugerah ini diterima berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang dilaksanakan beliau.



Foto1.4: Majlis penyampaian anugerah 'ASEAN Outstanding Invention and Innovation Awards' dan Malaysia's Research Star Award 2019 (Research and Innovation Excellence)

Anugerah Buku Umum Terbaik

Karya terbitan Penerbit UTHM, 'Etnoarkeologi Di Malaysia: Cerminan Budaya Material Masyarakat Peribumi' telah berjaya dinobatkan sebagai Buku Umum Terbaik dalam kategori Prasejarah di Majlis Anugerah Buku Negara 2019 yang berlangsung pada 1 April 2019. Buku tersebut adalah hasil nukilan Hamid Mohd Isa, Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun. Buku setebal 227 muka surat ini merupakan satu kompilasi hasil kajian terkini yang dilakukan oleh para pengkaji arkeologi, etnografi, antropologi dan etnoarkeologi berkaitan aspek teknologi, kesenian, pola penempatan, adaptasi alam dan sosioekonomi masyarakat peribumi, yang dicerminkan dalam kebudayaan material mereka.



Foto 1.5: Anugerah Buku Umum Terbaik 2019 Kategori Prasejarah

Jurnal Berpotensi Crème 2019

Journal of Technical Education and Training (JTET) telah dipilih sebagai penerima Sijil Pengiktirafan Jurnal Crème 2019. Pengiktirafan ini diterima oleh Profesor Dr. Maizam Binti Alias selaku Ketua Editor daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia pada 5 November 2019. Buat julung-julung kalinya pengiktirafan ini diterima sejak JTET diterbitkan pada tahun 2009 dan diindeks Scopus pada tahun 2016 adalah kerana prestasi tinggi dalam pangkalan data antarabangsa untuk kategori Jurnal Berpotensi Crème 2019 bagi bidang sains sosial. Ini menunjukkan keupayaan pengurusan jurnal dan kepakaran penyelidik diiktiraf berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Sitasi Malaysia dengan kerjasama dua agensi pengindeksan berprestij, iaitu *Clarivate Analytics* dan *Elsevier Science*.




Foto 1.6: Sesi Penyampaian Anugerah Jurnal Crème 2019

Pencapaian Pelajar UTHM

Anugerah Quake Resistance Award

Sekumpulan pelajar UTHM daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) yang terdiri daripada Cynthia Devong Anak Patrick Kennedy, Hanif Bin Abdullah, Wan Nor Nabila Nasuha Binti Zulkifli dan Azlyn Syafikah Binti Kamarul Zaman bersama penasihat Dr. Hamidun Bin Mohd Noh telah menerima anugerah 'Quake Resistance Award' di *Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research for Schools 2019 (IDEERS 2019)* berlangsung di Taipei, Taiwan pada 20-21 September 2019. Anugerah ini diberikan atas kejayaan pasukan UTHM membina model yang boleh menahan gegaran 400gal yang bersamaan dengan 7 skala *Richter* gempa sebenar. Model yang dibina pasukan UTHM berjaya menahan gegaran sebanyak 600gal (400gal bersamaan dengan 7.2 Skala *Richter*).



Foto 1.7: Pasukan pelajar UTHM di IDEERS 2019

Kejayaan di *Imagine Cup 2019 Peringkat Asia Pasifik*

Empat orang pelajar yang terdiri daripada Muhammad Adam Bin Azlan, Seah Choon Seng, Tan Wei Yang dan Mek Zi Chong telah mengharumkan nama UTHM dan Malaysia apabila hasil ciptaan mereka iaitu sistem kawalan automasi hidroponik telah meraih “*People’s Choice Award*” di *Imagine Cup 2019* peringkat Asia Pasifik yang berlangsung di Sydney, Australia. Kumpulan ini dibimbing oleh penyelia yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Shahreen binti Kasim, Prof. Madya Dr. Fauziahanim binti Che Seman dan Dr. Herdawatie binti Abdul Kadir.

Hasil ciptaan yang dinamakan sebagai *Smart Urban Farming With Automated Environment Controlled System (SUF ECS)* ini menggunakan Teknologi *Cloud Computing* dan Teknologi Pembelajaran Mesin membolehkan sayur-sayur ditanam tanpa penjagaan tenaga manusia yang panjang. Sistem ini dapat menjaga sumber semula jadi, mengurangkan tenaga buruh dan memendekkan tempoh masa pembesaran sayur-sayuran.

Projek ini telah berkembang dengan mendapat sokongan Microsoft Malaysia yang digunakan untuk menjalankan projek tanggungjawab sosial korporat dengan membantu Orang Kurang Upaya (OKU) untuk berkebun. Projek ini juga telah disenarai pendek dalam kategori “*Best Foodtech/ Agritech Startup*” dan “*Best IOT Startup*” di *Asean Rice Bowl Award*.



Foto 1.8: Produk *SUF ECS* dan keratan akhbar berkaitan penggunaan produk

Kejayaan di ICDL Asia Digital Challenge 2019

Pelajar UTHM, Muhammad Taufiq Bin Zainuddin daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP) telah menjadi Johan dalam ICDL Asia Digital Challenge 2019 – Malaysia National Round bagi kategori 'Design and Engineering' dan seterusnya mewakili Malaysia. Beliau seterusnya memenangi tempat ketiga serta mendapat Anugerah Most Popular Car Design dalam ICDL Asia Digital Challenge 2019 – Asia Round. Kejayaan pelajar ini dibantu dengan bimbingan Ts. Dr. Lee Te Chuan selaku penyelia pelajar ini.



Foto 1.9: Kejayaan pelajar UTHM di ICDL Asia Digital Challenge 2019

Kejayaan di Doha Oasis for Innovation

Pelajar Doktor Falsafah dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi telah mewakili Malaysia ke Pertandingan *Doha Oasis for Innovation* yang diadakan di Doha, Qatar bersempena *OIC Youth Capital 2019*. Pertandingan ini diadakan bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan belia Islam. Saudari Rabi'atul 'Adawiyah binti Zayadi telah mengharumkan nama UTHM dan Malaysia melalui projek penyelidikannya iaitu *Gold Deposited Fluorine Titanium Dioxide (Au/F-TiO₂) for Industrial Wastewater Treatment* yang telah dianugerahkan pingat perak. Dr. Faridah binti Abu Bakar merupakan penyelia yang membimbing dan menjadi tunjang kepada kejayaan yang dikecapi pelajar.

Selain menggunakan proses sintesis yang mesra alam, projek ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals; SDG*) iaitu Matlamat ke-6 "Air Bersih dan Sanitasi" kerana ia mengetengahkan konsep nanoteknologi bagi merawat air sisa industri. Melalui inovasi ini, air sisa daripada industri yang mengandungi pencemar organik dapat diuraikan menggunakan Au/F-TiO₂ yang bertindak sebagai pemangkinfoto (*photocatalyst*) apabila diaktifkan melalui cahaya matahari. Terdahulu, projek ini turut dipertandingkan di *KANS Scientific Competition* di Iran dan Saudari Adawiyah telah membawa pulang Diploma Kehormat Air dan Alam Sekitar. Konsep yang dibawa melalui inovasi ini turut diaplikasikan bersama rakan industri agar kualiti pemangkinfoto yang dihasilkan dapat ditingkatkan untuk tujuan pengkomersilan di masa akan datang.



Foto 1.10: Kejayaan pelajar UTHM di *Doha Oasis for Innovation*

BAB 2

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA


PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pengenalan

Sumber manusia terutamanya di universiti awam perlu mengikuti perkembangan semasa dan berpengetahuan bagi memastikan organisasi tidak ketinggalan. Pengurusan sumber manusia yang efektif dilihat sebagai pendekatan terbaik bagi membantu organisasi mendepani persaingan yang semakin mencabar. Sumber manusia yang kompeten merupakan aset penting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, UTHM amat menekankan pembangunan polisi dan sistem berkaitan perjawatan, kenaikan pangkat, latihan / kursus, dan pengiktirafan yang merupakan kunci utama kepada kejayaan dalam pentadbiran organisasi.

Perjawatan


Pada keseluruhannya, UTHM memiliki seramai 2,425 orang staf pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,095 orang adalah staf akademik dan 1,330 orang adalah staf pentadbiran.




Rajah 2.1 : Statistik Staf Mengikut Kategori

Kenaikan Pangkat


Pada tahun 2019, seramai 111 orang staf daripada pelbagai gred jawatan telah dinaikan pangkat. Kenaikan pangkat ini merupakan pengiktirafan kepada staf yang sentiasa berusaha gigih dalam memartabatkan UTHM.



Rajah 2.2: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2019



Rajah 2.3: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan & Profesional) Tahun 2019




Rajah 2.4: Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran (Kumpulan Pelaksana) Tahun 2019

Pembelajaran Sepanjang Hayat


Cuti Belajar

Pada tahun 2019, seramai 35 orang telah diluluskan permohonan cuti belajar. Daripada jumlah tersebut seramai 10 orang mengikuti pengajian Doktor Falsafah, 3 orang peringkat Sarjana, 2 orang program Pasca Kedoktoran (Post-Doc), 17 orang Cuti Sangkutan Industri (CSI) dan 3 orang Cuti Sabatikal.



Rajah 2.5: Statistik Staf Diluluskan Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian


Secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2019, seramai 90 orang staf sedang melanjutkan pengajian di pelbagai peringkat termasuk Ijazah Pertama (1 orang), Ijazah Sarjana (5 orang), Ijazah Doktor Falsafah (53 orang), Pasca Kedoktoran (3 orang), Cuti Sangkutan Industri (25 orang) dan Cuti Sabatikal (3 orang).



Rajah 2.6 : Statistik Cuti Belajar Staf Mengikut Peringkat Pengajian

Sangkutan Industri


Program sangkutan industri merupakan kemudahan yang disediakan UTHM untuk memberikan pendedahan kepada staf bagi menambahluaskan pengalaman iktisas dan profesional dalam bidang masing-masing. Secara keseluruhannya staf yang mengikuti cuti sangkutan industri pada tahun 2019 adalah seramai 40 orang dengan 15 orang telah melapor diri, manakala 25 orang lagi masih menjalani sangkutan industri.



Rajah 2.7: Statistik Cuti Sangkutan Industri Staf UTHM Tahun 2019

Kelayakan PhD / Profesional

Sehingga 31 Disember 2019, UTHM mempunyai seramai 724 orang pensyarah/felo industri dengan kelayakan PhD iaitu 74.18% daripada keseluruhan 976 orang pensyarah/felo industri. UTHM mempunyai seramai 332 orang staf yang berkeelayakan profesional dengan catatan jumlah paling tinggi adalah bagi Professional Technologist (Ts.) iaitu seramai 275 orang.



Rajah 2.8: Kelulusan PhD Bagi Pensyarah/Felo Industri

Kursus & Latihan

Kursus dan latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas dan deskripsi tugas dapat meningkatkan prestasi dan kualiti kerja, menambah ilmu pengetahuan seiring kemajuan teknologi semasa. Menyedari kepentingan ini, UTHM telah menganjurkan sebanyak 70 kursus dalaman pada tahun 2019 yang memfokuskan kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah staf.

Jadual 2.2: Statistik Kursus Dalaman UTHM


Jenis Kursus	Bilangan
Latihan Generik	9
Program Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif	4
Program Pembangunan Staf Cemerlang	11
Program Teknikal dan Teknologi Maklumat	10
Program Gaya Hidup Sihat	3
Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	4
Kursus Asas Staf Baharu dan Wajib Perkhidmatan	10
Latihan Khusus Skim / Jawatan	19
JUMLAH	70

Jadual 2.3 : Sebahagian Kursus/Program Pembangunan Diri dan Modal Insan

Kursus	Jumlah Peserta
Kursus Pemantapan Akidah – Menggapai Cinta Arrahman	117 orang
KAMI HUSSEIN	140 orang
Seminar Menjejak Pintu Arrayan	430 orang
Kursus Intensif Bahasa Inggeris	100 orang
Kursus Manipulasi Grafik Menggunakan Perisian 'Photoshop'	35 orang

Perbandingan Peruntukan Latihan Tahun 2018 & 2019

Pada tahun 2019, peruntukan berjumlah RM1.9 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan kursus anjuran Universiti (36%) dan kursus anjuran luar (58%). Secara perbandingan, peruntukan latihan pada tahun 2019 adalah 15% lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2018 (RM1.65 juta). Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan penglibatan staf dalam latihan berkaitan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), pembentangan kertas kerja persidangan bertaraf tinggi dan penyertaan dalam kursus-kursus teknikal berkaitan aeronautik dan dron.



Rajah 2.9: Statistik Perbandingan Peruntukan Latihan

Bagi kursus anjuran Universiti, fokus utama diberikan terhadap penganjuran kursus pembangunan diri dan modal insan. Melalui penganjuran kursus dan latihan ini, sebanyak 90.40% staf UTHM telah berjaya mencapai 7 hari latihan sebagaimana dasar yang ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005. Sebanyak 9.6% staf tidak mencapai 7 hari latihan disebabkan pelbagai faktor seperti komitmen tugas yang tidak boleh ditinggalkan, masalah kesihatan dan sebagainya.

Penjanaan Pendapatan Kursus-Kursus Komersil

UTHM juga menjana pendapatan melalui penganjuran kursus komersil dengan catatan jumlah penjanaan pendapatan sebanyak RM321,657.00. Pendapatan kursus komersil yang diperolehi UTHM pada tahun 2019 adalah berkurangan berbanding pada tahun 2018 (373,340.00). Turut menyumbang kepada penjanaan pendapatan ini adalah penyewaan fasiliti serta penawaran modul dan program latihan Pusat Minda Emas, Kampus UTHM Tanjung Laboh kepada masyarakat setempat di sepanjang tahun 2019.

Jadual 2.4 : Sebahagian Kursus Komersil UTHM

Malaysia TVET Profesional Educators Course (MTPE)	38 orang
Kursus Pra Persaraan 2019	16 orang
Kursus Profesionalisma Keselamatan Pimpinan Universiti Awam	40 orang
Kursus Pengurusan Fasiliti dan Pembersihan	18 orang

Rajah 2.11: Statistik Penjanaan Pendapatan Kursus Komersil



Kursus Berimpak Tinggi

UTHM pada tahun 2019 telah menganjurkan kursus dan latihan bagi tujuan pemerkasaan TVET. Kursus-kursus yang dirangka ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan dan menyelaraskan pelaksanaan TVET di Malaysia melalui pemerkasaan komponen-komponen penting bagi meningkatkan kualiti kemahiran pendidik TVET.

Jadual 2.4: Sebahagian Kursus Pemerkasaan TVET

Kursus	Jumlah Peserta
Kursus Induksi PP-PPD-PPB (3 kali siri)	120 orang
Kursus Pemantapan Kemahiran Elektrik Industri	10 orang
Kursus Pembangunan Kimpalan <i>Shielded Metal ARC Welding (SMAW)</i> , Kompetensi CSWIP Kedudukan 6G serta Kemahiran Kimpalan Lanjutan Bagi Proses Gas Tungsten <i>ARC Welding (GTAW) Gas (GMAW) Flux Core ARC Welding (GCAW)</i> dan <i>Non-Destructive Test (NDT) Inspection</i>	5 orang
Kursus <i>Vocational Training Operation (VTO)</i> dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT)	81 orang
Kursus <i>Certification Of Service Technicians Programme (CSTP)</i>	4 orang
Kursus <i>International Research Workshop On Work- Based Learning And Dual Training System</i>	10 orang

BAB 3

AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Pengenalan

Kerajaan telah menetapkan aspirasi yang tinggi dalam mentransformasikan sistem pendidikan tinggi dengan menjurus kepada transformasi keseluruhan sistem pendidikan yang memfokuskan akses, kualiti, kesaksamaan, perpaduan dan kecekapan, serta transformasi untuk setiap pelajar dalam 6 aspek utama iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jatidiri kebangsaan, kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir, dan pengetahuan.

UTHM mempunyai hubungan yang erat dengan pihak industri terutamanya berkaitan Pembelajaran & Pengajaran (P&P). UTHM juga sentiasa meningkatkan dan memperluaskan hubungan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dan perjanjian MoU /MoA yang dibuat dengan rakan universiti lain dalam dan luar negara. Pewujudan hubungan dua hala ini memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak seperti pelaksanaan program mobiliti pelajar, pertukaran staf, perkongsian kepakaran dan sebagainya. Hubungan yang terjalin ini meningkatkan lagi imej UTHM dan membolehkan UTHM meneroka peluang yang lebih besar di masa hadapan.

Penawaran Program

UTHM dengan bidang tujuh Teknologi Lestari dan Pengangkutan terus melangkah ke arah mencapai universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari. Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 102 program akademik ditawarkan menerusi 8 fakulti dan 1 pusat pengajian seperti dalam Rajah 3.1. Ini termasuk 8 program akademik baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan mulai Semester I Sesi 2019/2020.



Rajah 3.1: Program Pengajian Perdana UTHM Tahun 2019

Jadual 3.1: Senarai Program Akademik Tahun 2019


Fakulti / Pusat Pengajian	Nama Program Pengajian
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia Diploma Teknologi Maklumat Diploma Sains Gunaan
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB)	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Senibina Sarjana Kejuruteraan Awam (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Awam (penyelidikan) Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian Sarjana Kejuruteraan Elektrik (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (penyelidikan) Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (penyelidikan) Sarjana Sains Kejuruteraan Bahan (mod campuran) Sarjana Sains Kejuruteraan Tenaga Lestari (kerja kursus) Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot) dengan Kepujian Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian Sarjana Sains Pengurusan Teknologi (penyelidikan) Sarjana Sains Harta Tanah dan Fasiliti (penyelidikan) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (kerja kursus) Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (kerja kursus) Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV)	Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan dan Fabrikasi Logam) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyaman Industri dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (penyelidikan) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) (kerja kursus) Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) (kerja kursus) Doktor Falsafah Pendidikan Doktor Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional Doktor Pendidikan
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) dengan Kepujian Sarjana Sains (Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi) (mod campuran) Sarjana Sains (penyelidikan) Sarjana Sains (Matematik Gunaan) (kerja kursus) Sarjana Sains (Statistik Industri) (kerja kursus) Sarjana Sains Kimia Bahan (mod campuran) Doktor Falsafah Sains

Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Maklumat Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (mod campuran) Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) (mod campuran) Sarjana Teknologi Maklumat (penyelidikan) Doktor Falsafah Teknologi Maklumat
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel (mod campuran) Sarjana Teknologi Kejuruteraan (penyelidikan) Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK)	Sarjana Falsafah Doktor Falsafah

Massive Open Online Course (MOOC)

Selain itu, UTHM sentiasa berusaha menambahbaik kurikulum program akademik termasuk dari segi penyampaian dan pentaksiran. Sebanyak 39 modul Massive Open Online Course (MOOC) telah dilaksanakan pada tahun 2019.



Rajah 3.2: Statistik Program MOOC

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) yang ditubuhkan pada 17 Julai 2006 berperanan membangun, mempromosi dan melaksana program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) UTHM seperti Program Akademik Pembelajaran Berterusan, Kerjasama Akademik, Profesional dan Eksekutif yang berupaya menjaga kewangan universiti.

Pada tahun 2019, terdapat 9 program Sarjana Secara Kerja Kursus (Program Pesisir) dan 3 program Diploma Eksekutif yang ditawarkan berbanding hanya 1 program iaitu Diploma Eksekutif Imam Profesional pada tahun 2018. Dua program baharu berkenaan adalah Diploma Profesional Pengurusan Fasiliti dan Diploma Profesional Operasi Loji Proses.

Jadual 3.2: Penawaran Program Pembelajaran Berterusan Tahun 2019

Peringkat	Nama Program Pengajian
Sarjana Secara Kerja Kursus (Program Pesisir)	Sarjana Kejuruteraan Awam (MFA)
	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE)
	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (MDM)
	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV)
	Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi) (MBT)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Awam (MBC)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Elektrik (MBE)
	Sarjana Pendidikan Teknikal Kejuruteraan Mekanikal (MBM)
	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (MPC)
Diploma Eksekutif	Diploma Eksekutif Imam Profesional
	Diploma Profesional Pengurusan Fasiliti
	Diploma Profesional Operasi Loji Proses

Akreditasi Program

Sebanyak 25 program akademik yang ditawarkan di 9 fakulti dan pusat pengajian telah melalui proses akreditasi pada tahun 2019 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)* dan *The Chartered Institute Of Building (CIOB)* melibatkan 1 program Doktor Falsafah, 1 program Sarjana, 19 program Sarjana Muda, dan 4 program Diploma. Sebanyak 23 program ini telah berjaya mendapat akreditasi penuh daripada badan profesional yang melaksanakan akreditasi berkenaan manakala 2 lagi program masih menunggu keputusan akreditasi.

Jadual 3.3: Senarai Program Yang Memperoleh Perakuan Akreditasi Sementara / Penuh 2019

Program Diakreditasi Penuh	Fakulti	Tempoh Pengiktirafan Penuh	Agensi Kelayakan / Badan Profesional
Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan	FTK	Bermula 29/1/2019	MQA
Sarjana Pentadbiran Perniagaan	FPTP	Bermula 24/9/2019	MQA
Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional	FPTV	Bermula 28/5/2019	MQA
Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian	FPTP	Bermula 30/4/2019	MQA
Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) dengan Kepujian	FPTP	Bermula 28/5/2019	MQA
Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian	FPTP	Bermula 28/5/2019	MQA
Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian	FPTP	Bermula 30/4/2019	MQA
Sarjana Muda Teknologi Maklumat	FSKTM	Bermula 30/4/2019	MQA
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	FKEE	2019-2024	BEM
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian	FKEE	2019-2024	BEM
Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	FKAAB	2017-2021	BEM
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	FKMP	2017-2021	BEM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian	FTK	2017-2022	BEM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian	FTK	2017-2022	BEM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian	FTK	2017-2022	BEM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian	FTK	2017-2022	BEM
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian	FTK	2017-2022	BEM

Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Kepujian	FPTP	2019-2024	RICS
Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian	FPTP	2019-2024	CIOB
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	PPD	Bermula 24/9/2019	MQA
Diploma Teknologi Maklumat	PPD	Bermula 28/5/2019	MQA
Diploma Kejuruteraan Awam	PPD	2017-2022	BEM
Diploma Kejuruteraan Elektrik	PPD	2017-2022	BEM

Penawaran Program Akademik Baharu

Pada tahun 2019, UTHM telah mendapat kelulusan 13 program akademik baharu daripada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) melibatkan 1 program Doktor Falsafah, 3 program Sarjana dan 9 program Sarjana Muda.


Jadual 3.4 : Senarai Program Akademik Baharu Yang Ditawarkan Tahun 2019

Program	Fakulti	Tarikh Lulus	Mula Penawaran
Doktor Falsafah	PPUK	18/11/2019	Sem.II Sesi 2019/2020
Sarjana Falsafah	PPUK	18/11/2019	Sem.II Sesi 2019/2020
Sarjana Sains Objek Rangkaian Internet	FKEE	04/12/2019	Sem.II Sesi 2019/2020
Sarjana Sains Kejuruteraan Tenaga Lestari	FKMP	23/5/2019	Sem.II Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian	FKMP	23/5/2019	Sem. I Sesi 2020/2021
Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian	FPTV	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020
Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian	FTK	29/8/2019	Sem. I Sesi 2019/2020

Enrolmen dan Pengambilan Baharu Pelajar

Enrolmen bagi semua program akademik yang ditawarkan oleh UTHM pada tahun 2019 ialah seramai 17,888 pelajar. Daripada jumlah berkenaan, seramai 1,079 orang pelajar Doktor Falsafah (6%), 1,204 orang pelajar Sarjana (7%), 13,267 orang pelajar Sarjana Muda (74%) diikuti dengan 2,338 orang pelajar Diploma (13%).

Enrolmen tahun 2019 ini adalah termasuk pengambilan pelajar baharu seramai 5,160 orang atau 29% daripada jumlah keseluruhan enrolmen. Daripada jumlah pelajar baru berkenaan merangkumi 211 orang pelajar Doktor Falsafah, 505 orang pelajar Sarjana, 3,770 orang pelajar Sarjana Muda dan 674 orang pelajar Diploma. Oleh kerana pada tahun 2019 terdapat 4,699 pelajar berjaya digraduankan, jumlah bersih pertambahan pelajar di UTHM adalah seramai 461 pelajar.



Rajah 3.3: Enrolmen Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian


Jadual 3.5: Enrolmen Pelajar Mengikut Fakulti

Fakulti	Enrolmen		Pengambilan Baharu	
	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD	Diploma & Sarjana Muda	Sarjana & PhD
Pusat Pengajian Diploma	2338	-	674	-
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina	2174	295	653	81
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	1542	356	479	117
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	2082	305	570	79
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan	2000	447	499	150
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1437	370	487	116
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	1382	139	386	34
Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi	878	248	212	75
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	1772	123	484	64
JUMLAH	15,605	2283	4444	716

Majlis Konvokesyen UTHM

Majlis Konvokesyen Kali Ke-19 UTHM telah berlangsung dari 19 hingga 21 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM. Menerusi 6 sidang yang berlangsung, seramai 4,699 orang graduan telah berjaya dianugerahkan ijazah masing-masing.

Majlis juga turut menganugerahkan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Institusi DiRaja kepada Yang Berhormat Dato' (Dr.) Abdul Rahim Ramli. Selain itu, UTHM juga menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dr. Sulaiman Bin Haji Hasan. Untuk anugerah akademik, seramai 36 orang graduan UTHM juga menerima 12 anugerah antaranya ialah Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Canselor dan lain-lain. Semua anugerah berkenaan disampaikan oleh Canselor UTHM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.



Rajah 3.4: Statistik Penerima Anugerah Majlis Konvokesyen 2019

Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah

Majlis Pemakaian Hud Graduan Siswazah merupakan majlis khas yang dianjurkan bagi meraikan graduan siswazah penyelidikan bersama penyelia yang telah menamatkan pengajian pascasiswazah. Majlis yang telah berlangsung pada 18 Oktober 2019 meraikan seramai 513 graduan siswazah dengan 118 orang graduan doktor falsafah dan 395 orang graduan sarjana.

Doktor Falsafah

118

Sarjana

395

Rajah 3.5: Statistik Pemakaian Hud Graduan Siswazah Mengikut Peringkat Pengajian




Foto 3.1: Majlis Pemakaian Hud

Program Mobiliti Pelajar


Program Mobiliti Akademik Berkredit adalah program yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran akademik sama ada dalam bentuk *inbound* atau *outbound* dari / ke institusi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau luar negara. Penglibatan dalam program mobiliti berkredit akan membolehkan pelajar untuk menjalani aktiviti pembelajaran secara formal di universiti lain sama ada dalam / luar negara, memberikan pendedahan kepada persekitaran yang baharu, memperluaskan interaksi sosial dan memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar.

Bagi tahun 2019, UTHM menerima seramai 222 orang pelajar dalam dan luar negara untuk melaksanakan program mobiliti inbound di UTHM. Daripada jumlah berkenaan, pelajar dari Indonesia merupakan pelajar teramai melaksanakan mobiliti *inbound* di UTHM. Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB) menjadi fakulti yang menerima pelajar mobiliti *inbound* teramai iaitu seramai 44 orang.


Manakala seramai 326 orang pelajar UTHM melaksanakan mobiliti *outbound* dalam dan luar negara. Indonesia menjadi negara pilihan bagi 205 pelajar UTHM melaksanakan program mobiliti *outbound* berdasarkan hubungan erat dan kerjasama yang dijalinan UTHM dengan universiti di negara berkenaan. Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mempunyai bilangan pelajar teramai melaksanakan mobiliti *outbound* ini iaitu masing-masing sebanyak 68 orang pelajar.



Rajah 3.6 Statistik mobiliti berkredit UTHM



Rajah 3.7: Negara asal pelajar mobiliti *inbound* di UTHM



Rajah 3.8: Negara pelajar UTHM menjalani mobiliti *outbound*

Jadual 3.6: Maklumat Pelajar Menjalani Mobiliti *Inbound* di UTHM

Fakulti	Program	Bilangan Pelajar	Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian	3	Islamic University Of Madina	Arab Saudi
		6	Universitas Mercu Buana	Indonesia
		4	Universitas Airlangga	Indonesia
		1	Universitas Muhammadiyah Surakata (UMS)	Indonesia
		1	Universitas Widyagama Malang	Indonesia
		2	Universitas Bakrie	Indonesia
		21	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
		6	Universiti Teknologi Malaysia	Malaysia
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	2	Islamic University Of Madina	Arab Saudi
		4	Universitas Brawijaya	Indonesia
		2	Universitas Muhammadiyah Surakata (UMS)	Indonesia
		20	Telkom University	Indonesia
		1	Universitas Widyagama Malang	Indonesia
		2	National Institute Of Technology (NIT)	Jepun
		2	University Of Osnabruck German	Jerman
		1	Hochschule Osnabruck	Jerman
			University Of Paderborn	Jerman
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian	4	Islamic University Of Madina	Arab Saudi
		2	Universitas Hang Tuah	Indonesia
	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian	3	Universitas Widyagama Malang	Indonesia
		1	Universitas Hang Tuah	Indonesia
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	Sarjana Muda Teknologi Maklumat	1	University Of Canberra Australia	Australia
		3	Universitas Pakuan	Indonesia
		30	Telkom University	Indonesia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Dengan Kepujian	4	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		6	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) Dengan Kepujian	6	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		3	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian	1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) Dengan Kepujian	1	Universiti Teknikal Melaka	Malaysia
		2	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) Dengan Kepujian	4	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Dan Komputer) Dengan Kepujian	1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) Dengan Kepujian	1	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) Dengan Kepujian	3	Universitas Islam Negeri Sunan Ampel	Indonesia
		5	Universitas Islam Negeri Sultan Maulana	Indonesia
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) Dengan Kepujian	24	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian	8	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia
		4	Universitas Pakuan	Indonesia
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran Dan Operasi) Dengan Kepujian	6	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia

Fakulti Sains Gunaan & Teknologi	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) Dengan Kepujian	4	Universitas Pakuan	Indonesia
	Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) Dengan Kepujian	2	Universitas Galuh	Indonesia
		3	Universiti Malaysia Sabah	Malaysia
	Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi Dan Pemuliharaan) Dengan Kepujian	8	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
JUMLAH		223		

Jadual 3.7: Maklumat Pelajar UTHM Menjalani Mobiliti Outbound

Fakulti	Program	Bilangan Pelajar	Agensi / Institusi	Negara
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian	3	Universitas Narotama Surabaya	Indonesia
		4	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		2	Universitas Mercu Buana	Indonesia
		6	City Universiti of Hong Kong	China
		4	Nagoya Institute of Technology	Jepun
		28	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Sains Senibina	21	Universitas Katolik Parahyangan	Indonesia
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	28	Telkom University	Indonesia
		5	Universitas Widyagama Malang	Indonesia
		6	Universitas Brawijaya	Indonesia
		9	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		2	Hochschule Osnabruck	Jerman
		4	Nagaoka University of Technology	Jepun
		2	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
		1	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
		2	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Malaysia
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian	2	Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS)	Indonesia
		7	Universitas Brawijaya	Indonesia
		5	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) Dengan Kepujian	3	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
		2	Universitas Widyagama Malang	Indonesia
		1	Universitas Brawijaya	Indonesia
		5	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia
		2	Universitas Galuh	Indonesia
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) Dengan Kepujian	3	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) Dengan Kepujian	2	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
		1	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) Dengan Kepujian	7	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
		1	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan Dan Fabrikasi Logam) Dengan Kepujian	1	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik Dan Elektronik) Dengan Kepujian	2	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif)	4	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
		1	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejubejukan Dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian	1	Korea University of Technology And Education	Korea Selatan
		1	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia


Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	Sarjana Muda Teknologi Maklumat	7	Universitas Telkom Bandung	Indonesia
		2	Universitas Pakuan	Indonesia
		1	Saga University	Jepun
	Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) Dengan Kepujian	2	Telkom University	Indonesia
	Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) Dengan Kepujian	1	Telkom University	Indonesia
	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Dengan Kepujian	6	Telkom University	Indonesia
		2	Universitas Pakuan	Indonesia
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian	10	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran & Operasi) Dengan Kepujian	5	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) Dengan Kepujian	4	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia
		1	Saga University	Jepun
	Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah Dengan Kepujian	3	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia
		1	Ofen Kyn Insaat Naki Otomotiv LTD STI Istanbul	Turki
	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk Dan Pembuatan Perabot) Dengan Kepujian	3	Universitas Negeri Surabaya	Indonesia

Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) Dengan Kepujian	6	Hanyang University	Korea Selatan
		1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		2	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) Dengan Kepujian	3	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
		2	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) Dengan Kepujian	3	Hanyang University	Korea Selatan
		3	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) Dengan Kepujian	1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
		1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) Dengan Kepujian	2	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
		1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		1	Hanyang University	Korea Selatan
		2	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Dan Komputer) Dengan Kepujian	3	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		1	Hanyang University	Korea Selatan
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian	1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia


Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil Industri) Dengan Kepujian	1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) Dengan Kepujian	3	Hanyang University	Korea Selatan
		1	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
		2	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
		1	Universiti Malaysia Pahang	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) Dengan Kepujian	4	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
		5	Hanyang University	Korea Selatan
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) Dengan Kepujian	2	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
		1	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri) Dengan Kepujian	6	Universiti Malaysia Perlis	Malaysia
	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel Dengan Kepujian	2	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
Fakulti Sains Gunaan Dan Teknologi	Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) Dengan Kepujian	4	Universiti Utara Malaysia	Malaysia
		3	Universiti Malaysia Sabah	Malaysia
	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) Dengan Kepujian	4	Universitas Pakuan	Indonesia
	Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) Dengan Kepujian	2	Universitas Telkom Bandung	Indonesia
	Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi Dan Pemuliharaan) Dengan Kepujian	19	Universitas Gadjah Mada	Indonesia
JUMLAH		326		

Latihan Industri

Kebanyakan pelajar UTHM melaksanakan Latihan Industri mereka dengan syarikat swasta tempatan atau perusahaan sendiri yang dapat memberikan pengalaman dalam alam pekerjaan kepada pelajar yang terlibat. Pada tahun 2019, seramai 4,004 pelajar UTHM telah mengikuti latihan industri berkredit. Daripada jumlah berkenaan seramai 3,971 orang pelajar menjalani latihan industri dalam negara manakala seramai 33 orang pelajar UTHM menjalani latihan industri di luar negara.




Rajah 3.9: Latihan Industri Berkredit Pelajar UTHM di dalam negara




Rajah 3.10: Latihan Industri Berkredit Pelajar UTHM di luar negara

Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM selain daripada diakses oleh staf dan pelajar, boleh juga dimanfaatkan oleh masyarakat luar terutamanya untuk membuat rujukan dalam bidang berkaitan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi.



Rajah 3.11 : Statistik Koleksi Bahan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)




Rajah 3.12: Maklumat Penggunaan Perpustakaan Pada Tahun 2019

Kemudahan Perpustakaan Tunku Tun Aminah



Bibliotherapy Corner: Aras 4

Ruangan yang berkonsep santai dan kondusif untuk keselesaan pengguna dan pengunjung. Mampu memuatkan kira-kira 20 orang pengguna dalam satu masa. Ruangan ini boleh digunakan sebagai ruang perjumpaan dan perbincangan.



Santai Anjung: Aras 3

Ruangan ini digunakan bagi menempatkan sumbangan koleksi persendirian seperti koleksi Tan Sri Johan Jaafar. Ruangan ini juga digunakan untuk aktiviti seperti Program Belah Buku oleh penulis jemputan dan pembentangan ringkasan buku di kalangan pelajar dan staf UTHM.



Sister Zone: Aras 3


Ruangan ini boleh disediakan khusus kepada pelajar dan staf wanita sahaja. Mampu memuatkan lebih kurang 30 orang dalam satu masa.

Aktiviti yang sering dijalankan adalah sesi perjumpaan dan perbincangan bersama pelajar dan staf akademik



GoBook Coffee Corner: Aras 1

Ruangan ini boleh digunakan untuk perkongsian persembahan santai oleh pelajar dan staf universiti. Disamping itu, ia dijadikan ruang jamuan ringan kepada pelawat yang datang ke perpustakaan. Mampu memuatkan kira-kira 30 orang dalam satu masa.




Al-Shirazi Scholar Room: Aras 3

Ruangan ini digunakan pelajar pasca siswazah sebagai ruang perbincangan dan penulisan penerbitan akademik dan ianya mampu memuatkan sehingga 50 orang pengguna dalam satu-satu masa. Antara kemudahan yang disediakan adalah komputer dan akses wifi. Serta koleksi rujukan penulisan langganan perpustakaan.

Perkhidmatan Off Campus Access

Perkhidmatan *Off Campus Access* disediakan secara percuma kepada pelajar bagi mengakses maklumat pangkalan data atas talian langganan PTTA dari luar kampus UTHM. Perkhidmatan yang disediakan ini memberi kelebihan dan keselesaan kepada pelajar yang sukar datang ke kampus untuk mendapatkan maklumat dan data.

Pelajar mampu mengakses data atau artikel jurnal terkini mengikut keperluan pembelajaran. Terdapat 25 elektronik jurnal, 5 pakej buku yang mengandungi lebih kurang 193 ribu judul buku dan 18 pakej pengkalan data yang mengandungi lebih 2 juta akses dokumen akademik seperti artikel jurnal, tesis, laporan tahunan dan sebagainya. Pelajar yang menggunakan perkhidmatan ini hanya perlukan akses emel rasmi universiti sebagai akses masuk.



Rajah 3.13: Paparan muka *Off Campus Access*

BAB 4

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PENYELIDIKAN & INOVASI

Pengenalan

Institusi pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat, serta ekonomi negara. Penyelidikan dan inovasi yang dilaksanakan membantu perkembangan ekonomi, memperkasa kemajuan teknologi, dan juga secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan. Universiti awam turut menyumbang kepada pembangunan individu dan membantu melahirkan ahli masyarakat yang berpengetahuan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi. Justeru itu, UTHM melalui pelbagai strategi terus memfokuskan kepada aspek penyelidikan dan inovasi bagi memastikan peranan tersebut berjaya dilaksanakan.

Institut Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan UTHM

Institute For Integrated Engineering (I²E) bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti yang melibatkan penyelidikan dan perundingan bersepadu, hal-ehwal governan, kewangan, perancangan sumber manusia, pengambilan pelajar pasca siswazah, perancangan dasar/ polisi dan sebagainya. I²E juga berperanan untuk mempertingkatkan kerjasama Pusat Penyelidikan Kejuruteraan dan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) yang mempunyai sumber manusia dan peralatan yang boleh digembelngkan untuk menjayakan penyelidikan bersepadu. Di antara Pusat Kecemerlangan yang terdapat di UTHM adalah seperti berikut :


- Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (*EMCentre*)
- Pusat Mikroelektronik & Nanoteknologi – *Shamsudin Research Centre (MINT-SRC)*
- Pusat Pembuatan & Bahan Termaju (*AMMC*)
- Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (*RECESS*)
- Pusat Kecemerlangan Industri Rel (*ICoE-Rel*)



Rajah 4.1: Insitut Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan di UTHM

Pusat Penyelidikan (CoR)


Selain daripada Pusat Kecemerlangan (CoE), penyelidikan di UTHM juga disokong oleh pihak Fakulti yang memainkan peranan membangunkan Pusat Penyelidikan (*Centre of Research*). Bilangan *Centre of Research (CoR)* di sesebuah Fakulti adalah bergantung kepada kekuatan tenaga penyelidik di kalangan ahli akademik fakulti yang terlibat.



Rajah 4.2: Pusat Penyelidikan (CoR) di UTHM

Geran Penyelidikan

Pada tahun 2019, keseluruhan geran penyelidikan yang diterima oleh UTHM adalah berjumlah RM28,499,485.34 yang juga memperlihatkan pertambahan dana penyelidikan universiti sebanyak 33% berbanding pada tahun 2018. Keseluruhan dana yang diterima ini digunakan untuk membiayai 525 projek penyelidikan di UTHM dalam pelbagai bidang yang diterajui oleh bidang kejuruteraan dan teknologi.



Rajah 4.3: Bilangan dan Peruntukan Geran Penyelidikan Mengikut Sumber (Tunai dan In-kind) Bagi Tahun 2019

Kerjasama Penyelidikan

Kerjasama antara universiti dan industri adalah antara elemen penting bagi memastikan penyelidikan yang dilakukan selari dengan keperluan masalah di industri. Selain itu, hubungan strategik antara universiti dan industri juga bukan sahaja memberi impak positif kepada staf tetapi juga memberi peluang kepada para pelajar terlibat dalam kajian bersama pihak industri. Pada tahun 2019, 22 agensi dalam negara direkodkan melaksanakan kerjasama penyelidikan dengan penyelidik UTHM. Manakala, terdapat 9 agensi dari luar negara dari pelbagai negara melaksanakan penyelidikan bersama dengan penyelidik UTHM.

Jadual 4.1: Kerjasama Penyelidikan Bersama Agensi Dalam Negara

Penyelidik	Fakulti	Agensi Kerjasama	Nilai (RM)
Prof. Dr. Khalid bin Hasnan	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Rapid Rail Sdn. Bhd.	4,991,591.92 (<i>in-kind</i>)
Prof. Dr. Nazri bin Mohd Nawi	Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM)	Hewlett Packard Enterprise (HPE) - Aruba	2,600,000.00 (<i>in-kind</i>)
Sr. Dr. Noralfishah binti Hj. Sulaiman	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	Procter & Gamble (P&G) & Malaysian Institute For Supply Chain Innovation	1,000,000.00
Prof. Madya Siti Hawa Binti Ruslan	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Mimos Semiconductor Sdn Bhd	500,000.00 (<i>in-kind</i>)
Prof. Madya Ts. Dr Shahiron bin Shahidan (FKAAS) & Ts. Dr. Suhaimi bin Hassan (FKMP)	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB) & Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	PLUS Sdn. Bhd.	400,000.00
Prof. Madya Dr. Nafarizal Bin Nayan	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Sena Traffic Sdn. Bhd.	350,000.00
Dr. Nadirul Hasraf bin Mat Nayan	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Legasi Megajaya Sdn. Bhd.	210,000.00
Dr. Mohd Azahari bin Razali	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Agarwood Global Venture	150,000.00
Dr. Muhammad Latiff	Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	Shaz Resort Sdn. Bhd	100,262.00
Dr. Hasliza binti Hassan	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	ST Microelectronics Sdn. Bhd.	65,000.00 (<i>in-kind</i>)
Dr. Syabillah binti Sulaiman	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Perodua Manufacturing Sdn. Bhd.	60,480.00 (<i>in-kind</i>)
Sr. Dr. Noralfishah binti Hj. Sulaiman	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)	60,000.00
Prof. Madya Ts. Dr. Asmarashid bin Ponniran	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Renewcell (M) Sdn. Bhd	50,000.00
Dr. Akmal Nizam bin Mohammed	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Polysage Sdn. Bhd	50,000.00
Dr. Ramhuzaini bin Abd Rahman	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Kersuma Nyata Sdn. Bhd.	50,000.00

Prof. Madya Dr. Aeslina binti Abdul Kadir	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB)	Primer Bleaching Earth Sdn. Bhd	50,000.00
Prof. Madya Dr. Noor Yasmin binti Zainun	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar (FKAAB)	ARZ Consulting	50,000.00
Dr. Nor Hayati binti Abd Ghafar	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB)	Woodfields Glulam Manufacturing Sdn.Bhd	50,000.00
Dr. Hisyam bin Abdul Rahman	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd.	40,000.00 (<i>in-kind</i>)
Prof. Madya Dr. Wan Nurshazwani Binti Wan Zakaria	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Fraunhofer IEM	25,000.00 (<i>in-kind</i>)
Dr. Noraini binti Marsi	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad	15,923.00


Jadual 4.2 : Kerjasama Penyelidikan Bersama Agensi Luar Negara

Penyelidik	Fakulti	Agensi Kerjasama	Nilai (RM)
Prof. Madya Dr. Seow Taa Wee	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	Asia-Pacific Development Center For Disability (APDC), Thailand	91,760.00
Sr. Dr. Noralfishah binti Hj. Sulaiman	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	University of Salford, United Kingdom	52,150.00
Prof. Dr. Jailani bin Md. Yunos	Fakulti Pendidikan Teknik & Vokasional (FPTV)	Universiti Malang Indonesia	39,858.63
Dr. Jabbar Al-Fattah bin Yahaya	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	The Sumitomo Foundation, Jepun	42,766.81
Prof. Madya Dr. Mohd. Khairul bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Shizuoka University, Japan	29,908.00 (<i>in-kind</i>)
Prof. Datin Dr. Maryati binti Mohamed	Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	Nagao Natural Environment Foundation, Japan	29,400.00
Ts. Dr. Mohd Norzali bin Hj Mohd	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	IEEE Signal Processing Society, USA	20,000.00
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasidi bin Ibrahim	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	Telkom University, Indonesia	10,899.98
Dr. Marlia binti Morsin	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Universitas Riau, Indonesia	5,000.00

Geran Penyelidikan Pascasiswazah

Penghasilan modal insan merentasi pelbagai bidang pengajian juga merupakan indikator kepada kejayaan sesebuah projek penyelidikan. Untuk tujuan itu, selain daripada geran yang diperuntukan oleh agensi kerajaan, swasta atau badan lain yang berkaitan, UTHM turut komited menjayakan agenda ini menerusi pembiayaan pelajar siswazah dan pascasiswazah (sarjana dan doktor falsafah) dalam bentuk elaun sara diri pelajar bagi kawasan Parit Raja, Batu Pahat. Sehingga kini sebanyak 161 geran penyelidikan telah dibuka khusus untuk tujuan tersebut.


JUMLAH PROJEK GPPS TAHUN 2019



Rajah 4.4: Bilangan Geran Penyelidikan Pascasiswazah Mengikut Fakulti

Perlindungan Harta Intelekt UTHM

Secara kumulatif bermula tahun 2006 sehingga 31 Disember 2019, UTHM memiliki sejumlah 718 harta intelek yang dilindungi. Pada tahun 2019, jumlah harta intelek yang berjaya dilindungi adalah sebanyak 208 harta intelek. Jumlah ini merupakan peningkatan jumlah harta intelek yang berjaya dilindungi berbanding pada tahun 2018 berjumlah 141 harta intelek.



Rajah 4.5: Harta Intelekt UTHM Pada Tahun 2019 dan 2018

Penjana Pendapatan

UTHM telah mencatat kejayaan cemerlang pada tahun 2019 dalam penjana pendapatan melalui aktiviti perundingan dan pengujian yang dijalankan secara giat oleh para penyelidik UTHM.

Perundingan UTHM

Kerja perundingan di UTHM dilaksanakan melalui Pusat Inovasi & Pengkomersilan (perundingan persendirian) manakala perundingan komersial pula adalah melalui UTHM Commercial Sdn. Bhd. (UCSB).

Pada tahun 2019, Pusat Inovasi & Pengkomersilan (ICC) telah berjaya mengurus projek perundingan dengan kos berjumlah RM1,637,907.21 melalui 56 jumlah projek perundingan. Menerusi rekod ini juga, projek perundingan '*i- Technical Assistant Project*' untuk British Council mencatatkan rekod pembiayaan perundingan tertinggi berjumlah RM366,273.32.

Jadual 4.3: Senarai Lima Perundingan Dengan Nilai Tertinggi Melalui ICC

Projek	Klien	Jumlah Perundingan	Nilai (RM)
<i>i-Work Technical Assistant Project</i>	The British Council	4	RM366,273.32
<i>Electrical and Electronic Consultations, Test, or Measurement (Electrical and Electronic Product EMC Troubleshooting and Solutions)</i>	SHARP Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd.	7	RM354,400.00
<i>Consultation on Transient Pulse and Electromagnetic Interference - Phase 2</i>	Kayaku Safety Systems (M) Sdn Bhd	2	RM195,017.00
<i>Vehicle Fire Due To ESD Discharge</i>	Petronas Dagangan Berhad	1	RM84,200.00
<i>Policy Dialogue and Network Building of Multi-Stakeholder on Integrated Domestic Wastewater Management in Asean Countries (PODIWM)</i>	Mitsubishi UFJ Research and Consulting Co., Ltd.	2	RM75,840.00

UCSB iaitu sebuah anak syarikat UTHM Holdings Sdn. Bhd telah menguruskan sebanyak 17 projek perundingan yang berjumlah RM 590,524.41. Untuk rekod, projek perundingan tertinggi adalah berjumlah RM346,944.34 menerusi Projek 'Consultancy Services for the Electromagnetic Compatibility and Electromagnetic Interference' melibatkan 4 fasa untuk Sapura Rail Systems Sdn. Bhd.

Jadual 4.4 : Senarai Lima Perundingan Dengan Nilai Tertinggi Melalui UCSB

Projek	Klien	Jumlah Perundingan	Nilai (RM)
<i>Consultancy Services for the Electromagnetic Compatibility and Electromagnetic Interference</i>	Sapura Rail Systems Sdn Bhd	4	RM346,944.34
<i>Survey and Analysis of Workforce Market Demand and Industry Supply of the Aerospace Industry in Malaysia</i>	National Aerospace Industry Coordinating Office (NAICO)	1	RM141,509.43
Buku Panduan TVET Johor	Unit Strategik Modal Insan Johor	1	RM44,339.62
Kajian Media Persampelan <i>Volatile Organic Compound (VOC)</i>	Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)	1	RM8,990.00
Cadangan Pembangunan Sistem <i>Augmented Reality</i> untuk Pelancaran Sempena Hari Statistik Negara di Muar	STAR PRIMA	1	RM4,716.98

Pengujian

Pada tahun 2019, UTHM telah memperolehi projek pengujian bernilai RM256,124.68 daripada 178 projek .



Rajah 4.6: Statistik Projek Pengujian UTHM

Pencapaian Dalam Penyelidikan dan Inovasi

Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diraih oleh UTHM pada sepanjang tahun 2019, merangkumi pertandingan di pelbagai peringkat. Tahun 2019 juga turut membuktikan kecemerlangan penyelidik dari UTHM menerusi kejayaan seorang penyelidik UTHM, Dr. Norfaiza Fuad menerima Anugerah 'ASEAN Outstanding Invention and Innovation Awards' di 'International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition' (IPITEX 2019) yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

Jadual 4.5 : Pencapaian UTHM dalam Pameran Penyelidikan dan Inovasi

PAMERAN	Emas	Perak	Gangsa
Malaysia Technology Expo (MTE)	1	1	0
International Invention & Technology Exhibition (ITEX)	4	6	3
International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX 2019)	2	1	0
Ekspo Penyelidikan & Rekapipta Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2019	4	5	5
Lain-lain Pameran Rekapipta & Penyelidikan	19	19	0
Jumlah	30	32	8

Persidangan


Untuk terus memacu kecemerlangan dalam aspek penyelidikan selain daripada boleh menjana pendapatan, usaha melaksanakan pelbagai persidangan giat dijalankan oleh UTHM. Untuk tahun 2019 sahaja, terdapat 8 persidangan yang telah dianjurkan oleh UTHM merentasi pelbagai bidang.

Jadual 4.6: Persidangan dianjurkan UTHM Tahun 2019

TAJUK PERSIDANGAN	ANJURAN	TARIKH PERSIDANGAN
<i>International Conference on Electrical and Electronic Engineering 2019 (ICon3E 2019)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	24-25 Jun 2019
<i>3rd International Conference on Computational Fluid Dynamic in Research & Industry 2019 (CFDRI 2019)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	3-4 Ogos 2019
<i>5th International Conference on the Application of Science and Mathematics (SCIEMATHIC 2019)</i>	Fakulti Sains Gunaan & Teknologi (FAST)	14-15 Ogos 2019
<i>10th International Conference on Mechanical and Manufacturing Engineering 2019 (ICME 2019)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP)	29 Ogos 2019
<i>The Global Congress on Construction, Material and Structural (GComSE 2019)</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB)	26-27 Ogos 2019
<i>1st International Conference and Postgraduate Workshop of Industrial Engineering, Technology Management and Knowledge Science 2019 (IETechS 2019)</i>	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	29-30 September 2019
<i>5th International Conference on Civil and Environmental Engineering for Sustainability (IConCEES 2019)</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB)	19-20 Disember 2019
<i>8th International Conference on Global Optimization and Its Applications 2019 (ICoGOIA 2019)</i>	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP)	23-24 November 2019

Jurnal Terbitan UTHM

Penerbit UTHM telah berjaya menerbitkan 15 jurnal sehingga penghujung 2019. Daripada 15 jurnal ini, 3 daripada jurnal berkenaan iaitu *Journal of Technical Education and Training (JTET)*, *International Journal of Integrated Engineering (IJIE)* dan *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology (IJSCT)* telah diindeks oleh Scopus manakala 12 jurnal terbitan UTHM yang lain diindeks oleh Google Scholar.



Rajah 4.7: Jurnal Terbitan UTHM

BAB 5

HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Pengenalan

Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan perkara utama yang dititik beratkan oleh UTHM. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya melalui aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perkembangan potensi diri dalam menangani cabaran yang dihadapi, di samping sentiasa memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengembangkan bakat, pencapaian akademik dan minat kerjaya masing-masing. Kepakaran kaunselor UTHM yang diiktiraf dan berpengalaman juga menjadi sumber inspirasi kepada pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kemahiran dan peluang memajukan diri menerusi program yang dilaksanakan, serta sesi yang dihadiri dan juga kemahiran-kemahiran yang dipelajari semasa mengikuti program-program pelajar.

Pembangunan dan Pengembangan Pelajar

Pada tahun 2019, UTHM telah melaksanakan keseluruhan 40 program bimbingan dan pengembangan pelajar melibatkan penyertaan keseluruhan seramai 6,513 orang. Penyertaan tertinggi dicatatkan bagi Program MyFuture Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester I Sesi 2019/2020.

Jadual 5.1: Program Pembangunan dan Pengembangan Pelajar Tahun 2019 Dengan Jumlah Penyertaan Tertinggi

Nama Aktiviti	Tarikh	Jumlah Pelajar
Program Permulaan Graduan Pelajar Baharu Ijazah Sem. 2	22 Feb 2019	453
Program Permulaan Graduan Pelajar Baharu Diploma Sem. Khas	07 Jul 2019	668
Program MyFuture Pelajar Baharu Ijazah Sem. 1	05 Sept 2019	2574
Program Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Negeri Johor	10 Okt 2019	700
Program Fun Run	12 Okt 2019	500

Keusahawanan Pelajar

UTHM mengambil berat bidang keusahawanan di dalam usahanya untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran tambahan sebagai ilmu yang boleh diaplikasikan pada masa hadapan. Pendedahan pelbagai ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk meningkatkan nilai tambah dalam diri graduan termasuk ilmu keusahawanan turut dititikberatkan dalam usaha melahirkan graduan berkualiti tinggi bercirikan holistik dan memiliki minda kelas pertama. Untuk tujuan itu, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 yang bertujuan untuk menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam menganjukkan minda pelajar UTHM daripada pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan.

Program Keusahawanan Pelajar

Pada tahun 2019, 42 program keusahawanan melibatkan lebih kurang 7,700 mahasiswa telah berjaya dijalankan merangkumi program-program keusahawanan sama ada berbentuk bengkel atau seminar, praktikal / kerja lapangan mahupun program berbentuk karnival dan sebagainya. Ia juga turut melibatkan penyertaan mahasiswa ke program-program pembangunan skil dan pertandingan keusahawanan anjuran agensi dan institusi luar sama ada dalam mahupun luar negara.

Jadual 5.2: Program Keusahawanan Pelajar Tahun 2019 Yang Mempunyai Penglibatan Tertinggi

Nama Aktiviti	Tarikh	Jumlah Pelajar	Jumlah Staf
Program FAST-STEMpreneurship 1.0	21-23 April 2019	393	10
Program Jom Belajar Sambil Berniaga 2019 : Mechypreneur 6.0	20-21 November 2019	265	6
Program Civilpreneur 2.0	29 September 2019	200	10
Program Jom Belajar Sambil Berniaga 2019: Expo Keusahawanan, Inovasi dan Transformasi Perkhidmatan	30 November 2019	200	4
Karnival My Career & Keusahawanan @ MOE-UTHM	12-13 November 2019	7076	30

Keusahawanan Sosial

Pada tahun 2019, UTHM merupakan satu-satunya universiti yang mempunyai jabatan khusus untuk keusahawanan sosial. Antara peranan utamanya adalah untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan warga universiti terhadap model perniagaan ini yang dilihat mampu menjadi instrumen penting bagi merapatkan jurang antara pendapatan isi rumah, pengagihan kekayaan dan isu sosial kumpulan berpendapatan rendah (B40) iaitu median pendapatan isi rumah yang kurang RM 3,000. Salah satu kriteria yang ditekankan dalam keusahawanan sosial adalah mewujudkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif. Ia juga merupakan salah satu aspek dalam Teras Strategik dan komponen penting dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030).

Melalui ini, para mahasiswa akan diberi pendedahan dan dilatih untuk menceburi bidang perniagaan bukan hanya memikirkan keuntungan semata-mata sebaliknya membantu menyelesaikan masalah sosial selain memberi impak kepada rakyat. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi tujuan ini dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan mahupun swasta antaranya *Malaysia Global Innovation and Creativity (MaGIC)* dan sebagainya. Di UTHM kelab Enactus merupakan kelab di bawah PTP yang banyak menganjurkan program-program keusahawanan sosial bersama komuniti dan mahasiswa UTHM antaranya projek Kitar Semula Banner Terpakai menjadi Beg serta Projek Baja Organik.



Foto 5.1 : Aktiviti keusahawanan sosial yang dijalankan

Program Keusahawanan Pelajar Asnaf

Pada tahun 2019, UTHM turut memfokuskan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang datang dari keluarga asnaf terhadap bidang keusahawanan sebagai salah satu usaha untuk membantu para pelajar ini menjana pendapatan sendiri serta menambahbaik taraf ekonomi mereka sepanjang mereka menjalani pengajian di UTHM. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Pusat Teknousahawan Pelajar (PTP) untuk menarik minat golongan pelajar ini terhadap bidang keusahawanan antaranya penganjuran bengkel-bengkel keusahawanan dengan kerjasama dari Pusat Islam UTHM dan juga agensi swasta seperti Celcom Axiata serta kemudahan pinjaman modal jangka pendek serta fasiliti "Food Cart" kepada mereka bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Hasil dari itu seramai 8 orang usahawan pelajar telah berjaya dilahirkan hasil dari latihan dan kemudahan yang disediakan oleh PTP.

Hendak seribu daya, tak nak seribu dalih

Zainal memulakan perniagaan trak makanan tahun lalu

Oleh Mohd Khairul Anam
Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

Batu Pahat: Mula mencuburi perniagaan makanan berkonsepkan trak makanan atau food truck pada majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tahun lalu, namun siapa sangka Zainal Mawardi, 23, kini mampu berkecuali pengalamannya ditimba dengan pelajar dan usahawan baharu yang meminati bidang keusahawanan.

Mahasiswa Fazal Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik UTHM itu, berkata penyertaan beliau dalam Foodcart Cokom@UTHM tahun lalu berkonsepkan kedai makanan (food cart) berkenaan mendapat sokongan penuh daripada pengurusan Pusat Teknousahawan Pelajar universiti.

"Antara produk makanan dijual seperti ayam caccu, roti john, oden, air mangga dan makanan



Zainal (kanan) dan rakan melayan pelanggan yang hadir membeli produk makanan yang dijualnya

segar yang digemari serta mendapat permintaan tinggi.

"Saya berniah kerana mendapat pinjaman tanpa faedah daripada pihak UTHM iaitu seba-

nyak RM1,000 melalui program Siswapreneur Asnaf yang digunakan sebagai modal permulaan bagi membeli barangan dan keperluan untuk berniaga," kuta-

nya kepada BHT Varzi.

Anak muda kelahiran Mersing, Johor itu mengakui cabaran utama yang dihadapi adalah membabitkan aspek pengurusan masa

antara belajar dengan berniaga, namun perkara itu berjaya diatasi dengan menyisihkan jadual waktu secara sistematik.

"Pada awalnya memang masa padat sebab terpaksa berpagu untuk menghadiri kuliah dan menyediakan kelengkapan berniaga tetapi bagi saya hendak seribu daya tak nak seribu dalih, justeru prinsip ini menjadi pemangkin semangat diri untuk berjaya dalam perniagaan tersebut ini.

"Pendapatan yang dijana adalah berkonsepkan peratus untung dan upah pekerja di mana saya dan kumpulan turut memiliki tiga premis perniagaan sendiri, malah keuntungan diperolehi digunakan untuk membeli barangan, sewaan, menggajikan pekerja serta bagi tujuan simpanan," katanya.

Berkecuali minatnya, Zainal berkata golongan muda khususnya pelajar digalakkan meneroka bidang keusahawanan berikutan manfaatnya yang luas, selain sebagai peredaran dalam menempuh cabaran alam pekerjaan masa kini.


"Keusahawanan mengajar kami (pelajar) untuk bijak menguruskan masa, kewangan dan berani berhadapan dengan pelbagai risiko kerana sekali kita gagal, ia akan meningkatkan semangat diri untuk memperbaiki kelemahan, sekali gus memastikan sesuatu kejayaan dicapai pada masa hadapan.

"Saya juga berazam mengembangkan lagi perniagaan kumpulan kami dan memiliki eyarat perniagaan sendiri kelak, di samping mahu memanfaatkan perolehan ilmu dimiliki ini dengan rakan lain sekali gus membantu negara melahirkan lebih ramai usahawan muda berdaya saing," katanya.

Foto 5.2: Keratan berita berkaitan program keusahawanan pelajar asnaf

Kolej Kediaman Pelajar

Pihak universiti telah menyediakan penginapan kepada pelajar dengan menyediakan Kolej-kolej kediaman yang mempunyai pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk kegunaan pelajar bagi meningkatkan pembangunan akademik dan aktiviti pembelajaran. Kolej kediaman juga merupakan pusat pembelajaran kedua untuk melahirkan pelajar yang serba boleh dalam pelbagai bidang, di samping melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan, kepimpinan pelajar, kebajikan dan kerohanian, kebudayaan, sukan serta rekreasi.



Rajah 5.1: Butiran Penempatan Pelajar di Kolej-kolej Kediaman UTHM Tahun 2019

Kebajikan Pelajar

UTHM amat menitikberatkan kebajikan pelajar kerana kesejahteraan pelajar merupakan kunci kepada kejayaan dan kecemerlangan akademik serta sahsiah pelajar. Justeru, pemberian bantuan kebajikan mahasiswa menerusi pelbagai medium sentiasa dinanti-nantikan oleh mahasiswa.

Program Sabil Al-Hikmah

Program Sabil Al-Hikmah UTHM diteruskan lagi untuk tahun 2019 iaitu pada Semester II Sesi 2018/2019 dan Semester I Sesi 2019/2020. Pejabat HEP telah melaksanakan Sabil Al-Hikmah yang menfokus kepada menyediakan makanan kepada mahasiswa. Bekalan makanan siap masak disediakan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan dalam kalangan keluarga berpendapatan B40. Pada tahun 2019, seramai 363 orang pelajar telah menerima bantuan makanan tengah hari sepanjang kuliah berjalan melalui program ini yang melibatkan kos sebanyak RM 75,030.00.



Rajah 5.2: Butiran Program Sabil Al-Hikmah

Food Bank Siswa UTHM

Pelancaran Program Food Bank Siswa UTHM yang merupakan inisiatif bantuan makanan telah dirasmikan oleh YB Tuan Chong Chieng Jen, Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 17 September 2019. Ia merupakan usaha murni bagi membantu mahasiswa/i UTHM dalam kalangan berpendapatan rendah (B40). Pada majlis ini seramai 200 orang pelajar telah menerima bantuan ini. Turut hadir adalah 13 buah syarikat yang menaja Food Bank Siswa UTHM sebagai permulaan. Sejak pelancaran Food Bank Siswa UTHM, seramai 780 pelajar UTHM telah menerima bantuan daripada 15 agensi penyumbang.



Foto 5.3: Majlis Pelancaran Food Bank Siswa UTHM

Penajaan Pelajar

Daripada data yang ada, majoriti pelajar di UTHM mendapat pembiayaan pengajian yang diberikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Selain daripada itu juga, pelajar UTHM mendapat pembiayaan pengajian melalui pinjaman atau biasiswa yang diberikan oleh agensi kerajaan dan swasta yang lain.

Jadual 5.3: Senarai Penaja Pelajar UTHM

Penaja	Penaja Diploma	Penaja Sarjana Muda
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (Sabah)	1	23
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam	2	17
Lembaga Zakat Selangor	6	27
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	2	7
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor	-	22
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	968	7,332
Permodalan Nasional Berhad	3	5
Sime Darby Berhad	-	10
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka	2	32
Yayasan Bank Rakyat	2	9
Yayasan Kelantan Darul Naim	1	6
Yayasan Negeri Sembilan	-	26
Yayasan Pelajaran Johor	21	121
Gamuda Berhad	-	3
Kementerian Pendidikan Malaysia (Perguruan Persekutuan)	-	5
Kuok Foundation Berhad	-	4
Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	-	4
Majlis Amanah Rakyat (Mara)	-	6
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	-	3
Probase Manufacturing Sdn. Bhd	-	1
Program My Brighter Future (MyBF)-TNB	107	218
Pusat Zakat Selangor	-	5
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	-	21
Tenaga Nasional Berhad (TNB)	-	1
Yayasan Pahang	-	1
Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera	-	2
Yayasan Sultan Iskandar Johor	-	7
Yayasan Tenaga Nasional	4	2
Yayasan Tengku Abdul Rahman (YTAR)	-	1

Aktiviti Pelajar

Sehingga kini, sebanyak 54 kelab, persatuan dan badan beruniform telah ditubuhkan secara rasmi. Ini termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 541 jumlah aktiviti telah berjaya dijalankan oleh MPP, kelab, persatuan, badan beruniform, Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP) dan Fakulti. Peruntukan bagi pelaksanaan aktiviti adalah menggunakan sistem bidaan aktiviti pelajar yang pertama kali diperkenalkan di UTHM bermula tahun 2019.

Sistem Bidaan Aktiviti Pelajar

Sesi bidaan ini merupakan suatu pembaharuan pada tahun 2019 yang dilaksanakan dalam menilai permohonan aktiviti pelajar. Selain bertujuan untuk menilai permohonan, sesi ini juga menguji kemampuan pelajar dalam pengucapan awam khususnya dalam mengutarakan justifikasi penganjuran program serta permohonan peruntukan kewangan bagi aktiviti yang dipohon. Sehingga kini sebanyak tiga (3) sesi bidaan telah berjaya dilaksanakan iaitu bagi bidaan aktiviti Fasa 1/2019 (Mac 2019), Fasa 2/2019 (Mei 2019) dan Fasa 1/2020 (November 2019) di UTHM Kampus Induk dan UTHM Kampus Cawangan Pagoh.



Foto 5.4 : Pembentangan pelajar dalam Sesi Bidaan Aktiviti Pelajar

Anugerah Inspirasi Mahasiswa 2018/2019 (AIM 2018/2019)

Anugerah Inspirasi Mahasiswa 2018/2019 (AIM 2018/2019) dianjurkan pada 14 Disember 2019 bagi memberi pengiktirafan dan penganugerahan kepada mahasiswa UTHM yang telah menunjukkan kebolehan memimpin dalam menjalankan program dan aktiviti pelajar. Dalam majlis anugerah ini, saudari Nurul Atiqah Rohaizar pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah dinobatkan sebagai Tokoh Siswa UTHM 2018/2019. Saudari Nurul Atiqah merupakan seorang pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran sejak berumur tujuh tahun lagi. Walau bagaimanapun, ianya tidak menjadi penghalang buat beliau untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan sepanjang menjadi mahasiswa.



Foto 5.5 : Majlis Anugerah Inspirasi Mahasiswa 2018/2019

Parlimen Mahasiswa UTHM 2019

Pelancaran Parlimen Mahasiswa UTHM 2019 yang pertama telahpun disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM pada 16 April 2019. Persidangan Parlimen Mahasiswa yang julung kali diadakan ini, telah berjalan selama tiga (3) hari mulai 18 hingga 20 April 2019 melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar, Kelab dan Persatuan Pelajar, Majlis Kepimpinan Pelajar (Kolej Kediaman), wakil Pengurus Sukan dan wakil mahasiswa lain yang dijemput. Parlimen Mahasiswa merupakan satu platform pemberdayaan mahasiswa untuk membincangkan serta membahaskan isu dan pandangan secara terbuka.



Foto 5.6 : Parlimen Mahasiswa UTHM 2019

Festival Konvokesyen 2019 (FESTKON 2019)

Festival Konvokesyen 2019 (FESTKON 2019) UTHM telah dilaksanakan dengan jayanya bersempena Istiadat Konvokesyen kali ke-19 UTHM pada 16 hingga 22 Oktober 2019. Program ini dirancang dan dilaksanakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan dan Sekretariat Pelajar sebagai satu pendedahan kepada mahasiswa untuk merancang dan melaksanakan program. Sesuai dengan tema “Universiti untuk Masyarakat”, FESTKON 2019 ternyata berjaya menarik warga Universiti dan masyarakat dengan jumlah hampir 50,000 pengunjung. Di antara program yang telah berlangsung berkonsepkan kesukanan dan aktiviti luar, pembangunan bakat, pertandingan dan perkongsian ilmu yang melibatkan pelajar, staf, industri dan masyarakat. Sempena FESTKON 2019 ini juga UTHM telah berjaya menyumbang sejumlah dana kepada dua komuniti antarabangsa hasil daripada aktiviti *Corporate Social Responsibility (CSR)* yang dilaksanakan. Dana yang telah terkumpul sehingga 20 Oktober 2019 telah mencatat jumlah sebanyak RM22,741. Jumlah tersebut disalurkan kepada Syria Care dan Aman Palestin Berhad.



Foto 5.7 : Aktiviti yang dilaksanakan semasa FESTKON 2019

Kemajuan & Hubungan Alumni

Alumni Tahun 2019

Bilangan alumni UTHM sehingga Disember 2019 adalah 42,604 orang. Daripada jumlah berkenaan, 1,009 orang alumni merupakan alumni antarabangsa daripada pelbagai negara seperti Indonesia, Yemen, Brunei, India, Pakistan dan sebagainya. UTHM pada tahun 2019 telah mempergiatkan lagi promosi diperingkat antarabangsa bagi memasarkan jenama UTHM dengan kerjasama alumni antarabangsa yang kembali berkhidmat di negara masing-masing.




Rajah 5.6: Alumni Antarabangsa UTHM

Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2019, majoriti alumni UTHM melibatkan diri dalam sektor pekerjaan swasta tempatan dan sektor kerajaan, manakala selebihnya terlibat dalam sektor swasta multinasional, perusahaan sendiri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan lain-lain.


SEKTOR PEKERJAAN



Rajah 5.7: Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

Kajian Pengesanan Graduan

Pada tahun 2019, UTHM telah menghasilkan seramai 4,699 graduan. Mengikut kajian pengesanan graduan yang sedang dilaksanakan, kebolehpasaran graduan UTHM menunjukkan sejumlah 95.4% graduan UTHM telah bekerja. Ini termasuk kategori berikut: 66.94% graduan bekerja, 24.06% melanjutkan pengajian dan 4.39% pula menunggu penempatan pekerjaan manakala 4.60% graduan belum mendapat pekerjaan.



Rajah 5.8: Maklumat Kajian Pengesanan Graduan

Aktiviti Alumni

UTHM komited melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan alumni bagi memastikan hubungan kerjasama dapat diteruskan. Pada tahun 2019, sebanyak 35 aktiviti utama berjaya dilaksanakan. Pencapaian ini terhasil menerusi penyelarasan aktiviti dan gerak kerja bersama Penyelaras Alumni Fakulti/Pusat yang dilantik.

Program Jejak Alumni

Program Jejak Alumni ini adalah bertujuan untuk menjejaki dan mengesan Alumni PLSP/ITTHO/KUITTHO/UTHM yang telah bekerjaya untuk mendapatkan maklumbalas serta perkongsian pengalaman setelah bergelar alumni. Selain itu, perjumpaan ini juga bertujuan mengemaskini maklumat diri mereka dan menyampaikan maklumat terkini berkaitan UTHM khususnya dan Alumni amnya.



Foto 5.8: Program Jejak Alumni 2019

Alumni UTHM



Jejak Alumni 2019

Ikon Alumni Usahawan Muhamad Syarifuddin Mohd Yasin



BATU PAHAT, 22 OKTOBER 2019 – Sempena Program Jejak Alumni 2019, Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni, (PKKA) melalui Jabatan Hubungan Alumni telah bertemu Ikon Alumni Usahawan berjaya iaitu Muhamad Syarifuddin Mohd Yasin, graduan 2015.

Anak jati kelahiran Kluang, Johor itu kini telah bertapak di dalam bidang perniagaan percetakan dan juga merupakan pembekal pelbagai jenis produk percetakan antaranya seperti percetakan kad perniagaan, perkahwinan, banner, bunting, wall sticker, silkscreen, sukaman, heat press t-shirt, baju korporat, cenderamata, hadiah dan pelbagai lagi.

Berkongsi pengalaman ketika menceburi bidang perniagaan sejak usia remaja, Syarifuddin menjelaskan pada umurnya 13 tahun lagi beliau telah mula berniaga kecil-kecilan dengan membuka gerai burger di Jalan Lambak, Kluang dan pada usia 15 pula beliau berniaga di pasar malam dengan menjual makanan ringan seperti keropok lekor dan jagung manis.

Menceritakan detik bermula dalam bidang percetakan pula, usahawan muda ini bermula secara sambilan di usia 16 tahun dan pada 18 hingga 20 tahun pula beliau lebih aktif dengan mengambil tempahan lebih drastik.



Antara produk percetakan baju yang dihasilkan oleh Dewa Master Resources



HADIAH BUAT FRONTLINER - ALUMNI UTHM

-Sumbangan Tabung Covid19 RM4,210.00-

Muhamad Syarifuddin Bin Mohd Yasin (Dewa Master Resources)

BATU PAHAT, 12 APRIL 2020 : Kita mungkin tidak sedar mereka malahan juga tidak sebarani frontliner yang bertungkus lumus untuk menentang musuh tidak kelihatan dengan mata kasar yang dikenal sebagai Coronavirus.

Oleh itu, bagi memberikan sokongan kepada mereka sebagai wira negara untuk membatasi wabak virus yang sedang memular di negara ini, seorang Alumni UTHM graduan Fakulti Kejuruteraan Mekakanikal dan Pembuatan (FKMP), telah mengambil inisiatif dengan melancarkan kempen membeli sambil menyumbang.

Beliau adalah Muhamad Syarifuddin Yasin, alumni usahawan yang bergiat aktif dalam bidang industri percetakan di Batu Pahat dan berpengalaman 13 tahun dalam industri tersebut dengan menerajui perusahaan sendiri iaitu Dewa Master Resources.

Jelasnya, usaha kecil yang dilaksanakan ini hanyalah untuk membantu meringankan beban mereka yang memerlukan pada ketika ini dengan membuat jualan baju T-Shirt bertemakan sokongan buat para petugas barisan hadapan yang terdiri daripada warga Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan ramai lagi yang terlibat.

Perjualan yang bersifat cinta pada negara itu telah mendapat sambutan yang mengagumkan daripada pembeli yang terdiri daripada rakan alumni, staf UTHM, selebriti dan juga orang awam.

"Hasil jualan bagi fasa pertama telah terkumpul sebanyak RM4,210.00. Sebahagian hasil jualan berjumlah RM42,025.00 telah disalurkan ke tabung Covid-19 K3UTHM dan Tabung Kemanusiaan Covid-19 berjumlah RM2,185.00," ujar beliau.

"Usaha kami ini adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai utk turut bersama menyumbang kepada frontliner dan yang memerlukan pada saat getir ini" jelasnya lagi.

Justeru itu, beliau juga mengajak semua para usahawan di luar sana untuk bersama-sama menjalankan kempen membeli sambil menyumbang kerana pada masa kini para usahawan juga perlu mengambil tempat untuk bersama-sama membantu negara.



Jejak Alumni Usahawan Zon Tengah Melaka



Mohd Syafiq bin Yusof, Alumni 2013



AKIF CAR GROOMING

MELAKA, 21 OGOS 2019 – Jejak Alumni Usahawan 2019 Zon Tengah Melaka bertemu dengan Pengurus AKIF Car Grooming Center.

Perniagaan ini dimiliki oleh alumni 2013, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) UTHM, Mohd Syafiq bin Yusof.

AKIF Car Grooming telah dibangunkan pada tahun 2016 bermula dari kecil kecilan hinggalah kini mampu untuk memberikan pelbagai servis berkonspekkan "Car grooming mampu milik" buat penduduk di sekitar Melaka.

Pusat cucian kenderaan yang berpangkalan di Bukit Katil Melaka itu kini mampu memberikan servis setaraf 5 bintang kepada pelanggannya dengan pakej menarik antaranya "Wash, Maguair Wash, Waxing, Scrubbing, Polish, Coating, Window Treatment" dan pelbagai lagi.

Kelainan yang dibawa pusat cucian milik alumni UTHM ini adalah berkonsepkan niaga sambil mencuci kenderaan, yang mana beliau sentiasa menitikberatkan keselesaan dan kepuasan pelanggan dengan menyediakan mini cafe, surau dan ruang menunggu yang selesa.

Bagi pengurusan mini cafe tersebut pula dikelolakan oleh rakan alumni UTHM iaitu Nur Sulana bt Aji. Alumni 2016 dari Fakulti Sains Komputer Teknologi Maklumat (FSKTM).

Perniagaan ini kini juga telah mempunyai 11 orang pekerja yang mahir dalam bidang penjagaan kebersihan dan kecantikan kenderaan pelanggan.



BAB 6

PEMBANGUNAN, PENGURUSAN FASILITI DAN ICT

PEMBANGUNAN, PENGURUSAN FASILITI DAN ICT

Pengenalan

Pembangunan, pengurusan fasiliti dan ICT adalah penting untuk meningkatkan kualiti persekitaran kerja dan seterusnya menyumbang kepada produktiviti sesebuah institusi. Infrastruktur yang kondusif memainkan peranan utama dalam menarik minat pemegang taruh terutamanya pelajar untuk mendaftar pengajian.

Pembangunan Kampus



Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar & Kafeteria Berpusat

Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar & Kafeteria Berpusat di UTHM Parit Raja dibina bagi menempatkan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan ruang kegiatan pelajar secara berpusat. Bangunan ini turut dilengkapi dengan ruang kafeteria berpusat untuk kemudahan pelajar dan staf. Projek ini bermula pada 26 Disember 2017 dan telah siap pada 3 Januari 2019 dengan perbelanjaan sejumlah RM7,203,804.94.



Pusat Penyenggaraan Alat (PPA) Untuk Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pusat Penyenggaraan Alat (PPA) untuk Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia dibina bagi menggantikan ruang tanah asal PPA yang diambilalih UTHM. PPA KPM ini dibina bermula pada 16 Januari 2017 dan dijangka siap pada 27 Februari 2020 dengan kos pembinaan sejumlah RM4,450,082.99.




Bangunan Gunasama Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan, Perundingan dan Pusat Pengajian Siswazah

Bangunan Gunasama ORRIC dan PPS dibina bagi menempatkan ORRIC dan PPS. Bangunan ini dibina bermula pada 26 Disember 2017 dan dijangka siap pada 27 Februari 2020 dengan kos pembinaan sejumlah RM14,846,210.09.

Harta Tanah

UTHM mempunyai tanah dengan keluasan keseluruhan berjumlah 1,054.145 ekar di Parit Raja, Tanjung Laboh dan Pagoh.




Rajah 6.1: Data Harta Aset Tanah UTHM 2019

Pengurusan Fasiliti


Laporan Utiliti Elektrik Kampus Parit Raja

UTHM mencatatkan penjimatan ketara pada bulan Ogos 2019 dengan bacaan terendah penggunaan elektrik 1,714,401.00 kWh dan bil pembayaran berjumlah RM784,119.80. Jumlah bacaan tenaga elektrik tertinggi pada tahun 2019 adalah pada bulan Mac sebanyak 2,503,558.00 kWh dengan bil pembayaran RM1,110,695.01. Rekod penggunaan tenaga elektrik yang tinggi pada bulan Mac 2019 adalah disebabkan oleh pertambahan penggunaan beban berperingkat melibatkan Bangunan Pentadbiran dan Akademik FKEE Blok Q yang telah mula beroperasi pada bulan Julai 2018 dan juga kemasukan semester baru yang melibatkan penggunaan tenaga elektrik di pelbagai lokasi.

Analisis perbandingan antara tahun 2019 dan tahun sebelumnya menunjukkan UTHM berjaya menjimatkan 437,166.00 kWh (17.36%) dengan peningkatan kos RM127,079.06 (13.95%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Penjimatan ini berjaya dicapai disebabkan oleh beberapa faktor seperti tempoh operasi Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM dipendekkan pada waktu cuti semester dan tidak beroperasi pada hujung minggu, penggunaan ruang kuliah bersistem hawa dingin jenis unit pisah bagi kuliah pada luar waktu kerja, penambahan pemantauan penyenggaraan elektrik dan penjadualan operasi mekanikal HVAC (AHU / chiller) mengikut ruang dan tempahan PTj, serta pemantauan terus ke atas nilai kehendak maksimum pengguna dan beban di bangunan fakulti / PTj.




Rajah 6.2: Perbandingan Bacaan Utiliti Elektrik (kWh) UTHM Kampus Parit Raja Bagi Tahun 2018 dan 2019




Rajah 6.3: Perbandingan Pembayaran Bil UTHM Kampus Parit Raja Bagi Tahun 2018 dan 2019

Laporan Utiliti Elektrik UTHM Kampus Cawangan Pagoh

Bagi kampus UTHM Pagoh pula, jumlah penggunaan tenaga elektrik tertinggi tahun 2019 adalah pada bulan Januari sebanyak 555,270 kWh bersamaan RM 238,775.76. Jumlah penggunaan tenaga elektrik keseluruhan bagi tahun 2019 Kampus Pagoh UTHM adalah sebanyak 6,046,132 kWh bersamaan RM 2,719,303.44 .




Rajah 6.4: Perbandingan Bacaan Utiliti Elektrik (kWh) UTHM Kampus Pagoh Bagi Tahun 2018 dan 2019



Rajah 6.5: Perbandingan Pembayaran Bil (RM) UTHM Kampus Pagoh Bagi Tahun 2018 dan 2019

Laporan Utiliti Air

Kadar penggunaan air di UTHM pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018. Kenaikan ini adalah berpunca daripada kebocoran paip air di bangunan lama kampus induk yang disebabkan usia paip utama yang melebihi 30 tahun, pertambahan operasi di blok baharu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, dan projek pembangunan yang sedang berlangsung.



Rajah 6.6 : Perbandingan Penggunaan Air Pada Tahun 2018 dan 2019

Kenderaan

UTHM mempunyai sebanyak 177 unit kenderaan yang terdiri daripada motosikal, kereta, van dan lain-lain kenderaan. Motosikal merupakan kenderaan terbanyak yang dimiliki iaitu sebanyak 72 unit diikuti motokar (28 unit), SUV/4WD/Hilux (27 unit) dan van/MPV (25 unit).


Jadual 6.1 : Jenis Kenderaan Milik UTHM

Jenis Kenderaan		Bilangan
	Motosikal	72
	Motokar	28
	SUV/4WD/Hilux	27
	Van/MPV	25
	Bas	13
	Ambulan	3
	Lori	2
	Van Jenazah	2
	Forklift	2
	Buggy	2
	Traktor	1
Jumlah		177

Infrastruktur ICT

Pembangunan dan penambahbaikan Infrastruktur ICT

Pada tahun 2019, UTHM juga telah melaksanakan penambahbaikan infrastruktur internet iaitu dengan meningkatkan litar suwa internet daripada 2Gbps kepada 5Gbps secara berperingkat di UTHM Kampus Parit Raja melalui kontrak perjanjian selama 3 tahun bermula Oktober 2019 hingga 2022 dengan kos sebanyak RM4.5J. Manakala di Pusat Minda Emas, UTHM Kampus Tanjung Laboh peningkatan jalur lebar internet daripada 4 Mbps kepada 30 Mbps menggunakan teknologi 4G.




Rajah 6.7 : Penggunaan Internet di UTHM Kampus Parit Raja Tahun 2019



Rajah 6.8 : Penggunaan Internet di UTHM Kampus Pagoh Tahun 2019

UTHM telah menyediakan perkhidmatan WiFi dengan liputan 100% di Kolej Kediaman Pagoh termasuk sambungan rangkaian backbone ke Kampus Pagoh dengan kos sebanyak RM 1.8 Juta pada bulan Mei 2019. Sebanyak 509 unit titik akses tanpa wayar (*wireless access point*) telah dipasang di bilik pelajar, rumah felo, rumah pengetua, dewan, kafeteria dan surau. Manfaat dari penaiktarafan ini telah dapat menyokong pembelajaran secara atas talian dan juga menyediakan akses internet kepada 23,177 orang pelajar dan 3,233 orang staf.



Rajah 6.9 : Penggunaan WiFi di di Kolej Kediaman Pagoh

Penyenggaraan Infrastruktur ICT

Pada tahun 2019, UTHM telah menyenggara 5,292 (80%) peralatan ICT, komputer dan komputer riba) daripada jumlah keseluruhan 6,614 unit.


Komputer		Komputer Riba	
Jumlah Peralatan	5,239	Jumlah Peralatan	1,375
Jumlah Penyenggaraan	4,161 (79%)	Jumlah Penyenggaraan	1,131 (82%)

Peralatan ICT Komputer & Komputer Riba	
Jumlah keseluruhan Peralatan	6,614
Jumlah keseluruhan Penyenggaraan	5,292 (80%)


Rajah 6.10 : Statistik Penyenggaraan Peralatan ICT, Komputer & Komputer Riba

Aduan ICT

Pada tahun 2019 jumlah aduan ICT yang diterima adalah 3,339 manakala jumlah aduan pada 2018 adalah 3,442. Penurunan aduan adalah disebabkan inisiatif berterusan Pusat Teknologi Maklumat dalam melaksanakan penyenggaraan pencegahan dan aktiviti memberikan khidmat nasihat berkaitan penggunaan infrastruktur ICT dengan baik kepada warga UTHM. Daripada kajian yang dilaksanakan juga didapati tahap kepuasan pelanggan (staf dan pelajar) terhadap perkhidmatan pembaikan yang diberikan juga meningkat dengan 67% memberikan penilaian 'Sangat Baik' berbanding 50% penilaian pada tahun 2018.



Rajah 6.11: Perbandingan Aduan ICT Pada Tahun 2018 dan 2019



Rajah 6.12: Tahap Kepuasan Pelanggan Aduan ICT Pada Tahun 2018 dan 2019

Infostruktur ICT

Pembangunan Sistem Baharu

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) berperanan dalam memberi perkhidmatan infostruktur iaitu pembangunan aplikasi baharu dan melaksanakan penyelenggaraan aplikasi sedia ada yang digunakan bagi membantu UTHM menjalankan operasi harian dengan lebih lancar dan efisien. Selari dengan itu pada tahun 2019, UTHM telah berjaya membangunkan 14 sistem baharu dengan menggunakan kepakaran sedia ada. Sistem yang telah dibangunkan memberi impak yang lebih efektif kepada proses tadbir urus di Pejabat, Pusat dan Fakulti.

Jadual 6.2: Senarai Pembangunan Sistem Baharu 2019

NAMA SISTEM	KEGUNAAN SISTEM
Dashboard KPI UTHM Fasa 1	Sistem Dashboard ini dibangunkan untuk membantu Pengurusan Tertinggi dan PSPR mendapatkan “insights” tentang prestasi Universiti bagi tujuan membuat keputusan. Dashboard KPI UTHM Fasa 1 mempunyai 6 modul iaitu: • KPI Universiti • Kebolehpasaran Graduan (GE) • Pelajar Antarabangsa • Penerbitan & Sitasi • Staf • IGOT/GOT
Project Management (Workspace)	Sistem <i>Project Management (Workspace)</i> dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Sistem ini bertujuan untuk • Memudahkan proses pemantauan projek Universiti. • Memudahkan ketua projek mengagihkan dan memantau projek dibawah seliaan masing-masing. • Mengenalpasti masalah yang berlaku dalam pelaksanaan projek. • Medium serta kaedah pengiraan beban bagi keahlian staf dalam jawatankuasa <i>adhoc</i> Universiti. Melalui penggunaan aplikasi ini dapat memberikan impak dalam memastikan bahawa perancangan dan pelaksanaan projek-projek Universiti dapat dilaksanakan secara sistematik dan terurus.
Student MYePortfolio	Sistem <i>Student MYePortfolio</i> merupakan sistem yang digunakan oleh pelajar untuk membangunkan portfolio secara elektronik. Sistem ini memberi impak kepada pelajar dalam perancangan kerjaya melalui paparan prestasi pelajar berdasarkan pencapaian akademik, keterlibatan pelajar dalam aktiviti anjuran universiti, pelaksanaan aktiviti semasa proses pembelajaran di dalam kuliah dan juga hasil karya yang dibuat oleh pelajar semasa sesi pembelajaran kepada bakal majikan.


<i>Research Student Tracking System - Examiner Nomination</i>	Sistem yang dibangunkan dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah bagi pelaksanaan proses penyediaan viva oleh pelajar. Sistem ini menyediakan fungsi permohonan viva oleh pelajar, proses pencalonan pemeriksa luar dan dalam, proses penerimaan pencalonan oleh pemeriksa luar dan dalam serta pengemaskinian maklumat <i>curriculum vitae</i> oleh pemeriksa luar. Penggunaan aplikasi ini memberi impak dalam membantu pengurusan pusat pengajian siswazah dan fakulti dalam proses penyediaan viva oleh pelajar.
Sistem Permohonan Kemasukan Penyerapan Lulusan Diploma UTHM	Sistem yang dibangunkan untuk Pusat Pengurusan Akademik bagi pengurusan permohonan kemasukan bagi pelajar lepasan diploma UTHM secara serapan ke peringkat Sarjana Muda di UTHM. Sistem ini memberi impak kepada proses permohonan kemasukan kerana tidak menggunakan borang permohonan secara manual dan menjadikan proses penawaran lebih efisien dan sistematik.
Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti	Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti (SPPU) merupakan sistem yang dibangunkan bagi kegunaan pengurusan permohonan dan pengurusan kenderaan universiti oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar serta Pejabat Pembangunan Penyenggaraan. Sistem ini memberi kemudahan kepada staf dan pelajar dalam urusan permohonan penggunaan kenderaan universiti. Ia juga membantu pengurusan kenderaan dalam mengawalselia penjadualan pergerakan pemandu dan kenderaan.
<i>Counseling Management System</i>	<i>Counseling Management System (CMS)</i> merupakan sistem yang dibangunkan untuk tujuan pengurusan sesi kaunseling yang dilaksanakan oleh Pusat Kaunseling Universiti. Sistem ini membolehkan pelajar, staf dan pelawat membuat permohonan temujanji sesi kaunseling bersama kaunselor UTHM. Kaunselor menggunakan sistem ini bagi tujuan perekodan, pemantauan serta pelaporan bagi sesi kaunseling yang dibuat bersama <i>client</i>. Melalui penggunaan sistem ini akan memberi impak pengurusan, pemantauan dan pelaporan sesi kaunseling oleh pihak kaunselor agar lebih berkesan dan sistematik.

iSMS : ePangkat Jawatan Hakiki (Pengurusan dan Profesional) dan ePangkat Jawatan Hakiki (Pelaksana)	Sistem E-Pangkat ini merupakan sistem yang digunakan oleh Pejabat Pendaftar sebagai pemudahcara dalam pelaksanaan proses pengurusan kenaikan pangkat staf bagi jawatan hakiki (pengurusan dan profesional) dan jawatan hakiki (Pelaksana). Ianya melibatkan proses pemilihan dan penawaran kenaikan pangkat melalui senarai staf yang layak mengikut kategori, proses perakuan sokongan dan kelulusan oleh Pelulus 1 dan Ketua PTJ. Impak penggunaan sistem ini ialah ia memudahkan proses permohonan, penawaran dan semakan bagi tujuan kenaikan pangkat bagi staf.
MyExpert Finder	MyExpert Finder adalah satu enjin carian yang dibangunkan untuk kegunaan bagi pengguna membuat carian maklumat berkaitan kepakaran yang dimiliki oleh staf akademik UTHM. Selain maklumat kepakaran, pengguna juga boleh mendapat maklumat berkenaan jumlah penyelidikan, jumlah penerbitan, jumlah penerbitan berindeks, jumlah pelajar sarjana dan PhD dibawah seliaan dan maklumat sangkutan industri staf. Carian boleh dilakukan melalui nama, kepakaran, kumpulan kepakaran dan fakulti. MyExpert Finder ini memberi impak kepada staf akademik dalam memaparkan pencapaian penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan bagi membantu meningkatkan visibiliti kepakaran staf akademik.
Sistem ePrestasi V3	Sistem ePrestasi ini dibangunkan dengan kerjasama Pejabat Pendaftar bagi tujuan pelaksanaan proses penetapan sasaran kerja tahunan dan kajian semula pertengahan tahun serta proses penilaian prestasi tahunan staf universiti secara atas talian. Pelaksanaan penilaian prestasi secara atas talian mula digunakan pada tahun 2006. Sistem ini sentiasa dinaiktaraf bagi tujuan penambahbaikan kepada proses di dalam sistem. Pada tahun 2019 sistem ePrestasi ini telah dinaiktaraf dengan penambahbaikan pelaksanaan penilaian prestasi bagi staf akademik gred VK secara atas talian. Impak penggunaan sistem ini adalah memudahkan Pejabat Pendaftar semasa pelaksanaan proses laporan penilaian prestasi tahunan staf UTHM.
Sistem Akses Pelajar (12.00AM-06.00AM)	Sistem Akses Pelajar (12.00AM-06.00AM) ini bertujuan untuk merekodkan pergerakan keluar / masuk pelajar melalui lokasi-lokasi yang dibenarkan. Sistem ini membolehkan pihak keselamatan membuat pemantauan dan rekod akses keselamatan bagi setiap pergerakan keluar dan masuk di kalangan pelajar. Laporan daripada sistem ini turut dihantar kepada pihak Kolej Kediaman dan mana-mana pihak berkaitan untuk tujuan rekod dan pemantauan. Impak penggunaan sistem ini dapat membantu pihak keselamatan dalam pemantauan pergerakan keluar / masuk pelajar dan keselamatan pelajar terpelihara.

Sistem Rekod Inventori Cenderamata PPKK	Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk merekodkan segala perjalanan keluar masuk setiap cenderamata yang ada di dalam pengurusan Pejabat Komunikasi Korporat termasuk kos dan baki bagi setiap jenis cenderamata. Melalui sistem ini, pihak Pejabat Komunikasi Korporat boleh mengetahui baki stok setiap jenis cenderamata melalui laporan yang telah disediakan.
Sistem Pengurusan Peralatan Jubah Dan Konvokesyen	Sistem Pengurusan Peralatan Jubah & Konvokesyen(QPJ) merupakan sistem pengurusan peralatan jubah yang digunakan oleh graduan semasa konvokesyen. Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk perekodan Inventori Jubah, Penjejakan rekod peminjaman/pemulangan set jubah, sistem panggilan nombor giliran semasa peminjaman dan pemulangan jubah oleh pelajar. Impak kepada sistem ini adalah memudahkan pihak pengurusan akademik semasa proses peminjaman dan pemulangan jubah oleh pelajar.
Sistem Pengurusan Perumahan Universiti	Sistem Pengurusan Perumahan Universiti dibangunkan untuk memudahkan proses pengurusan pendaftaran pelajar di Kolej Kediaman masing-masing. Sistem ini mempunyai fungsi pendaftaran pelajar baru dan pelajar kanan, proses pemindahan bilik dan pengintegrasian proses caj yuran penginapan. Dengan penggunaan sistem ini, telah dapat mengurangkan tempoh proses pendaftaran pelajar di kaunter kolej dan kolej kediaman tidak perlu membuat proses pengemaskinian rekod penempatan pelajar. Pelaporan penempatan pelajar dapat dicapai dengan cepat dan mudah.

Penambahbaikan Sistem

UTHM sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan infostruktur ICT terbaik kepada seluruh warga kampus dan agensi luar. Pada tahun 2019, sebanyak 40 sistem sedia ada telah ditambahbaik.



Rajah 6.13 : Senarai Sistem Ditambahbaik 2019

BAB 7

HUBUNGAN KOMUNITI DAN JARINGAN INDUSTRI

HUBUNGAN KOMUNITI DAN JARINGAN INDUSTRI


Pengenalan

Pada tahun 2019, pelbagai program komuniti dan jaringan industri telah dilaksanakan meliputi pelbagai kluster. Jelas keazaman warga UTHM untuk memberikan kesan keberadaan UTHM kepada komuniti dan industri dengan pelbagai bentuk program meliputi aspek akademik dan teknologi, perjanjian persefahaman di antara UTHM dan industri, kesejahteraan sosial, pembangunan modal insan, komuniti terpilih dan pembangunan sukan telah berlaku sepanjang tahun 2019.

Hubungan Universiti Komuniti

Program komuniti yang telah dianjurkan oleh UTHM pada tahun 2019 adalah sebanyak 393 program dengan nilai perbelanjaan berjumlah RM4,256,321.00. Penganjuran program komuniti memfokuskan kepada keberadaan UTHM di dalam memberi impak dan kesejahteraan kepada komuniti setempat. Sehubungan itu, program yang diadakan di kawasan dalam lingkungan 200 km dari UTHM telah dipergiatkan agar komuniti merasai kesan arus kemajuan dan teknologi dengan kewujudan UTHM.


Sebanyak 165 program komuniti telah dilaksanakan di Parlimen Sri Gading dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,147,386.00. Sementara itu di Parlimen Pagoh pula, UTHM telah melaksanakan sebanyak 59 program dengan perbelanjaan sebanyak RM724,512.00. Secara keseluruhan, program di kedua-dua parlimen telah mencatatkan perbelanjaan RM2,871,898.00 dengan 224 program telah dijalankan. Walau bagaimanapun selain dua tempat yang menjadi tumpuan, UTHM juga turut melaksanakan program komuniti di lain-lain tempat khusus di negeri Johor dengan 169 program melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1,384,424.00.



Rajah 7.1: Jumlah Peruntukan Program Universiti Komuniti

Tahun 2019 turut memperlihatkan seramai 31,986 orang sukarelawan terlibat dalam penganjuran program komuniti UTHM. Majoriti sukarelawan terdiri daripada kalangan komuniti dengan penglibatan seramai 19,928 orang diikuti oleh sukarelawan dari kalangan pelajar UTHM seramai 10,138 orang dan staf seramai 1,920 orang. Ini jelas membuktikan usaha dan komitmen UTHM untuk melibatkan komuniti dalam setiap program yang dianjurkan.

Program komuniti yang dilaksanakan UTHM, majoriti program adalah berbentuk kesejahteraan komuniti dengan sebanyak 123 program dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti sekitar UTHM dari segi fizikal, mental dan sosial melibatkan penglibatan staf dan pelajar UTHM. Di antara program kesejahteraan komuniti yang dilaksanakan adalah seperti bengkel pengurusan kewangan diri dan keluarga, pembinaan telaga tiub, program prihatin ummah, program go green dan program globe clean.



Rajah 7.2: Analisis Program Komuniti Tahun 2019

Projek Utama Universiti Komuniti

Hubungan Universiti dan Komuniti telah menjadi bukti bahawa kebergantungan antara satu sama lain adalah rasional. Ini bagi memastikan segala kemajuan sains dan teknologi dapat disebarkan dan dirasakan oleh komuniti sekitar UTHM.

Jadual 7.1: Senarai Program Utama Universiti Komuniti Tahun 2019

Aktiviti	Pusat Tanggungjawab	Penganjur/ Kerjasama	Impak
Pengurusan Sisa Makanan Menggunakan Teknik Pengkomposan Berasaskan Teknologi Hijau Dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kluang, Johor Untuk Sekolah Di Simpang Renggam	FKAAB	Pejabat Pendidikan Daerah Kluang	Program pengkomposan berteraskan teknologi hijau yang lebih efektif untuk mengurangkan sisa makanan harian di sekolah
Program Pemeriksaan Dan Pengujian Rabun Mata Murid-murid Sekolah Agama Tahfiz Di Daerah Batu Pahat	PHUM	Jabatan Oftalmologi, Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Batu Pahat, Pengarah Program kepada Unit Projek Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Rakyat Cawangan Batu Pahat, Mine Optical Centre Batu Pahat, Nusantara Optometrist Parit Raja, Optometri Izan Batu Pahat dan Nadzri Optometrist Batu Pahat	Kempen Kesihatan Mata 2019
Kid Safe UTHM	FKAAB	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Menerapkan kesedaran dan kepentingan menjaga keselamatan diri ketika berada di dalam kenderaan dan di atas jalan raya terutamanya kepada murid-murid sekolah

Pengurusan Sisa Makanan Menggunakan Teknik Pengkomposan Berasaskan Teknologi Hijau Dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kluang, Johor Untuk Sekolah Di Simpang Renggam

Limpahan larut resapan daripada tapak pelupusan sampah Ladang CEP, Renggam telah dikenal pasti menjadi punca utama berlakunya pencemaran di Sungai Benut yang merupakan sumber air mentah untuk dirawat di Loji Rawatan Air (LRA) sebelum ianya dibekalkan kepada penduduk Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya. Sisa makanan adalah penyumbang terbesar daripada keseluruhan komposisi penjaan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah. Hasil kajian yang dilakukan di 36 buah sekolah sekitar daerah Simpang Renggam menunjukkan bahawa setiap sekolah secara puratanya menghasilkan sisa makanan sebanyak 2 kilogram (kg) dan boleh mencecah sebanyak 7 kg sehari.

Masalah pengurusan sisa makanan ini telah mendorong Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) untuk mengambil inisiatif untuk memperkenalkan teknik pengkomposan menggunakan kaedah Takakura Home Method (THM) di kalangan pelajar dan guru-guru sekolah di daerah Simpang Renggam untuk mengitar semula dan mengolah sisa makanan menjadi baja kompos organik. Menerusi program pemindahan ilmu daripada universiti kepada komuniti di bawah Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP), sebanyak 10 buah sekolah telah menjadi sekolah rintis manakala baki 26 buah sekolah lagi adalah sebagai 'sekolah angkat' kepada sekolah rintis tersebut.


Projek ini telah dimulakan dengan beberapa siri latihan kepada guru dan pelajar bagi menerangkan tentang penyediaan cecair penapaian, medium pengurai dan proses pengkomposan serta kepentingannya. Selain itu juga, langkah penyediaan untuk proses pengkomposan juga ditunjukkan bagi memastikan kualiti kompos yang dihasilkan adalah yang terbaik. Objektif utama program pemindahan ilmu ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap pengurusan sisa makanan yang dihasilkan di kantin sekolah dan dapat memberikan pendedahan awal serta latihan dalam penyediaan baja kompos organik daripada sisa makanan, di samping dapat membantu untuk mengurangkan bebanan sisa makanan di tapak pelupusan sampah yang kian meruncing.



Foto 7.1: Pengurusan Sisa Makanan Menggunakan Teknik Pengkomposan Berasaskan Teknologi Hijau

Jaringan Kerjasama

Tahun 2019 menyaksikan sebanyak 82 perjanjian kerjasama telah dimeterai di antara UTHM dengan pelbagai organisasi dalam dan luar negara. Daripada jumlah tersebut, 25 perjanjian adalah Memorandum Perjanjian (MoA) yang terdiri daripada 15 MoA bersama organisasi dalam negara dan 10 organisasi luar negara. UTHM juga telah menandatangani 57 Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan 26 organisasi dalam negara dan 31 organisasi luar negara. Melalui MoA dan MoU yang ditandatangani pelbagai aktiviti akademik, penyelidikan, perundingan dan sebagainya dilaksanakan secara bersama bagi manfaat kedua-dua belah pihak.



Rajah 7.3: Jaringan Kerjasama UTHM 2019

Jadual 7.2: Senarai Memorandum Perjanjian (MoA) Tahun 2019

Organisasi	Bidang Kerjasama	Negara	Tarikh Perjanjian
Agensi Pekerjaan Pikoje Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	3 Januari 2019
Mianz International College Republic of Maldives	Umum	Maldives	8 Januari 2019
Sena Traffic Systems Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	14 Januari 2019
Universitas Dr. Soetomo	Umum	Indonesia	31 Januari 2019
Rangkaian MTUN	Umum	Malaysia	27 Februari 2019
Think Plus Consulting Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	31 Mac 2019
Social & Wealth Edutainment Laboratory Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	8 April 2019
Universitas Negeri Yogyakarta	Umum	Indonesia	30 April 2019
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)	Latihan / Kursus	Malaysia	17 Jun 2019
Bordeaux Institute of Technnology	Umum	Perancis	5 Julai 2019
Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)	Umum	Malaysia	5 Ogos 2019
Universitas Pakuan (UNPAK)	Umum	Indonesia	15 Ogos 2019
Universitas Narotama	Umum	Indonesia	15 Ogos 2019
Universitas Airlangga	Umum	Indonesia	2 September 2019
Swidweb Solutions	Umum	Malaysia	19 September 2019
Asia Pacific University of Technology & Innovation	Penyelidikan / Perundingan	Malaysia	22 September 2019
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Umum	Malaysia	22 September 2019
Hewlett-Packard (M) Sdn. Bhd.	Akademik	Malaysia	17 Oktober 2019
Institut Teknologi Bandung	Umum	Indonesia	5 November 2019
Renewcell (M) Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	7 November 2019
RS & GIS Consultancy Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	7 November 2019
Kersuma Nyata Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	12 November 2019
King Mongkut's University Of Technology Thonburi	Umum	Thailand	26 November 2019
Multazam Gemilang Services	Umum	Malaysia	31 Disember 2019

Jadual 7.3: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU) Tahun 2019

Organisasi	Bidang Kerjasama	Negara	Tarikh Perjanjian
Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	Umum	Malaysia	27 Januari 2019
Khwaja Fareed University of Engineering and Information Tech, Rahim Yar Khan	Umum	Pakistan	25 Februari 2019
Nice Education Consultant	Umum	Bangladesh	18 Mac 2019
Tokat Gaziosmanpasa University	Umum	Turki	26 Mac 2019
National University of Science and Technology	Umum	Rusia	26 Mac 2019
Hanyang University	Umum	Korea Selatan	28 Mac 2019
Palm Biogreen Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	31 Mac 2019
Panasonic Appliances R&D Centre Asia Pacific Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	31 Mac 2019
Kim Hoe Thye Industries Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	31 Mac 2019
Majlis Perbandaran Kulai	Umum	Malaysia	31 Mac 2019
Ningbo University of Technology	Umum	China	25 April 2019
Universitas Islam Negeri Sunan Ampel	Umum	Indonesia	2 Mei 2019
Zhejiang University of Science and Technology	Umum	China	20 Jun 2019
Auckland University of Technology	Akademik	New Zealand	25 Jun 2019
Aeronautical Institute of Bangladesh	Umum	Bangladesh	4 Julai 2019
Universitas Negeri Yogyakarta	Umum	Indonesia	10 Julai 2019
Glenville State College	Umum	Amerika Syarikat	10 Julai 2019
Shibaura Institute Of Technology	Umum	Jepun	20 Julai 2019
Futurise Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	5 Ogos 2019
Politeknik Negeri Malang	Umum	Indonesia	15 Ogos 2019
Persekutuan Silat Melayu Netherland	Umum	Belanda	15 Ogos 2019
Universitas Hang Tuah	Umum	Indonesia	15 Ogos 2019
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta	Umum	Indonesia	15 Ogos 2019
ST Microelectronics Sdn.Bhd,	Umum	Malaysia	15 Ogos 2019
TH Universal Builders Sdn Bhd	Umum	Malaysia	15 Ogos 2019
Institute of Materials Malaysia	Umum	Malaysia	29 Ogos 2019
Universitas Muhammadiyah Surakarta	Umum	Indonesia	2 September 2019
Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	22 September 2019
Karabuk University	Umum	Turki	26 September 2019
Brunel University London	Umum	United Kingdom	30 September 2019
Adaptive Netpoleon Malaysia Sdn. Bhd.	Umum	Malaysia	15 Oktober 2019
Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat	Umum	Indonesia	15 Oktober 2019
National Institute of Technology, Malang	Umum	Indonesia	15 Oktober 2019
Agarwood Synergy Holdings Sdn Bhd	Umum	Malaysia	23 Oktober 2019
Institut Teknologi Sepuluh November	Umum	Indonesia	24 Oktober 2019

Siasun Automation Singapore Pte. Ltd	Umum	Singapura	24 Oktober 2019
Korea Research Institute for Vocational Education and Training	Umum	Korea Selatan	5 November 2019
Sarawak Multimedia Authority	Umum	Malaysia	5 November 2019
International University - Viet Nam National University Ho Chi Minh City	Umum	Vietnam	11 November 2019
Erbil Polytechnic University	Umum	Iraq	11 November 2019
Lembaga Layanan Pendidikan Tinggi	Umum	Indonesia	11 November 2019
Lembaga Lebuhraya Malaysia	Umum	Malaysia	12 November 2019
Jabatan Mufti Negeri Sembilan	Umum	Malaysia	12 November 2019
Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd	Umum	Malaysia	17 November 2019
SNS Network (M) Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	17 November 2019
Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Master Builders Association Malaysia	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Smart Academic Engineering & Management (SAEM)	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Universitas Sembilanbelas November	Umum	Indonesia	31 Disember 2019
Binaan Desjaya Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Dunham-Bush Industries Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
EEW Malaysia Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Prihoda Malaysia Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Rafique Construction Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA)	Umum	Indonesia	31 Disember 2019
Wintech Academy Sdn. Bhd	Umum	Malaysia	31 Disember 2019
King Mongkut's Institute of Technology	Akademik	Thailand	31 Disember 2019

Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Hewlett-Packard (M) Sdn. Bhd

UTHM juga telah menandatangani MoA dengan Hewlett-Packard (M) Sdn Bhd (HPE) pada Oktober 2019 untuk memberi tumpuan kepada penubuhan Makmal Rangkaian Aruba di UTHM. Berdasarkan perjanjian ini, HPE telah menganugerahkan sebuah peralatan makmal rangkaian bernilai RM2.4 juta dan juga telah menubuhkan Akademi Aruba untuk latihan Aruba dan program pensijilan profesional di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) yang merupakan akademi pertama di Asia Tenggara.

UTHM dan HPE juga telah memperolehi Dana Kontrak MOE (K247) bernilai RM90,000 diketuai oleh Prof Dr. Hj. Nazri Mohd Nawi bagi projek Makers@UTHM Competence Centre for HPe Aruba Network Simulation and Integration (CCHPANSI-FSKTM). HPE juga telah menjemput pasukan UTHM untuk mengunjungi HPe EBC di Singapura untuk melihat inisiatif-inisiatif kampus pintar dan teknologi rangkaian terkini.



Foto 7.2: Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Hewlett-Packard (M) Sdn. Bhd



Foto 7.3: Lawatan Kerja UTHM ke Hewlett-Packard (HPE) Singapura

Memorandum Persefahaman (MOU) Dengan Syarikat Prasarana Berhad

Pada tahun 2019 juga, UTHM telah menandatangani MoU dengan Syarikat Prasarana Berhad (Prasarana) bertujuan menjalink kerjasama bagi pembangunan program akademik dan penyelidikan di dalam bidang teknologi kejuruteraan dan teknologi pengangkutan rel. Sejurus sesi MoU, UTHM menerusi Industry Centre of Excellence for Railway (ICOE Rel) telah dianugerahkan Dana ICOE berjumlah RM1 juta dari Kementerian Pendidikan untuk program kebolehpasaran graduan dan latihan pelatih bagi program rel di UTHM. UTHM juga menerima komponen-komponen keretapi dan set lengkap gerabak LRT dari Prasarana Berhad yang diletakkan di UTHM Kampus Pagoh untuk tujuan latihan, penyelidikan dan akademik.



Foto 7.4: Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Syarikat Prasarana Berhad

BAB 8

LAPORAN KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2019

Pengenalan

Pengurusan kewangan secara lestari dan mampan dilihat sangat penting pada masa kini bagi memastikan sesebuah organisasi beroperasi dengan lancar dan sejahtera. Sehubungan dengan itu, UTHM begitu komited dalam mengurus pendapatan bagi memastikan segala perancangan dan matlamat yang dirangka tercapai sepanjang tahun. Malahan, UTHM tekad dan berusaha untuk terus mempertingkatkan penjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi yang semakin meningkat.




Pendapatan Mengurus

Bagi tahun 2019 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM344,627,943 berbanding dengan RM326,944,922 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM17,683,021 (5.4%). Pemberian kerajaan yang diterima bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM266,845,399 berbanding dengan RM251,740,800 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM15,104,599 (6.0%). Sumber dalaman UTHM bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM77,782,544 berbanding dengan RM75,204,122 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM2,578,422 (3.4%). Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus bagi tahun 2019 dan 2018 dapat dilihat dalam Jadual 8.1 manakala pecahan pendapatan mengurus bagi tahun 2019 ditunjukkan dalam Rajah 8.1.

Jadual 8.1: Perbandingan Pendapatan Mengurus dan Geran Tambahan


Sumber Pendapatan	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	253,674	73.6	236,657	72.4	17,017	7.2
Geran Tambahan	13,171	3.8	15,084	4.6	(1,913)	(12.7)
Jumlah Pemberian Kerajaan	266,845	77.4	251,741	77.0	15,104	6.0
Sumber Dalaman	77,783	22.6	75,204	23.0	2,578	3.4
Jumlah	344,628	100.0	326,945	100.0	17,683	5.4
Perincian Sumber Dalaman adalah seperti berikut:						
Sumber Pendapatan	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Yuran Pengajian	47,394	60.9	45,440	60.4	1,954	4.3
Pendapatan daripada Pelaburan	25,541	32.8	24,289	32.3	1,252	5.2
Sewaan, Jualan Barang dan Perkhidmatan	1,455	1.9	994	1.3	461	46.4
Denda	1,542	2.0	1,029	1.4	513	50.0
Bayaran Balik	612	0.8	480	0.6	132	27.4
Sumbangan dari syarikat	1,239	1.6	2,972	4.0	(1,733)	(58.3)
Jumlah Sumber Dalaman	77,783	100.0	75,204	100.0	2,759	3.4



Rajah 8.1: Pecahan Pendapatan Mengurus 2019

Perbelanjaan Mengurus

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2019 adalah sebanyak RM306,454,385 berbanding dengan RM317,409,029 pada tahun 2018, menurun sebanyak RM10,954,644 (3.5%). Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM194,149,247 (63.4%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM97,809,787 (31.9%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM5,773,327 (1.9%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM8,722,024 (2.8%). Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2019 adalah disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan staf dan peningkatan bilangan staf pada tahun 2019. Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam Carta 8.2. Jadual 8.2 pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2019 dan 2018. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2015 sehingga 2019 pula ditunjukkan dalam Carta 8.3.




Rajah 8.2: Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2019

Jadual 8.2: Perbandingan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Emolumen	194,149	63.4,	186,959	58.9	7,190	3.8
Perkhidmatan dan Bekalan	97,810	31.9	100,918	31.8	(3,108)	(3.1)
Pemberian dan Kenaan Tetap	5,773	1.9	5,161	1.6	612	11.9
Perbelanjaan Lain	8,722	2.8	24,371	7.7	(15,649)	(64.2)
Jumlah	306,454	100.0	317,409	100.0	(10,955)	(3.5)

RM JUTA'



Rajah 8.3: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2015 – 2019

Pendapatan Pembangunan

Bagi tahun 2019, jumlah geran pembangunan UTHM yang diterima adalah sebanyak RM15,000,000 berbanding RM10,300,000 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM4,700,000 (45.6%). UTHM juga menerima geran pembangunan PFI pada tahun 2019 sebanyak RM83,613,700 berbanding RM87,828,479 pada tahun 2018, penurunan sebanyak RM4,214,779 (4.8%) iaitu bagi menampung bayaran projek PFI Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, menjadikan keseluruhan geran pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM98,613,700 berbanding RM98,128,479 pada tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM485,221 (0.5%). Butiran dan peratusan jumlah geran pembangunan bagi tahun 2019 dan 2018 dapat dilihat dalam Jadual 8.3.

Jadual 8.3: Perbandingan Pendapatan Pembangunan

Sumber	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM'000	%	RM '000	%	RM '000	%
Geran Pembangunan Asal	15,000	15.2	10,300	10.5	4,700	45.6
Geran Pembangunan PFI (Hab Pendidikan Tinggi Pagoh)	83,613	84.8	87,828	89.5	4,215	(4.8)
Jumlah	98,613	100.0	98,128	100.0	485	0.5

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan direalisasi pada tahun 2019 ialah sebanyak RM54,123,821 berbanding dengan RM58,162,657 pada tahun 2018, penurunan sebanyak RM4,038,836 (6.9%). Perbelanjaan pembangunan PFI direalisasi pada tahun 2019 berjumlah RM111,143,188 berbanding dengan RM110,177,529 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM965,659 (0.9%) menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan direalisasi sebanyak RM165,267,010 berbanding RM168,340,186 pada tahun 2018. Penurunan sebanyak RM3,073,176 (1.8%).

Dari segi jumlah perbelanjaan tunai sebenar, sebanyak RM139,563,782 telah dibelanjakan pada tahun 2019 berbanding RM134,215,594 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM5,348,188 (4.0%). Perbandingan perbelanjaan pembangunan direalisasi bagi tahun 2019 dan 2018 adalah seperti di dalam Jadual 8.4. Perbandingan pecahan perbelanjaan tunai mengikut projek bagi tahun 2019 dan 2018 adalah seperti Jadual 8.5 manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2015 sehingga 2019 dapat dilihat dalam Rajah 8.4.


Jadual 8.4: Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Direalisasi

Perbelanjaan	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Belanja Susutnilai	91,524	55.4	81,434	48.4	10,090	12.4
Perbelanjaan Operasi Tidak Dipermodalkan	21,008	12.7	15,820	9.4	5,188	32.8
Penyelenggaraan, Faedah Atas Bayaran <i>Availability Charges</i> , Peralatan Mengajar dan Tanah Pajakan	49,127	29.7	61,809	36.7	(12,682)	(20.5)
Sumbangan kepada Akaun MRF	3,608	2.2	9,277	5.5	(5,669)	(61.1)
Jumlah	165,267	100.0	168,340	100.0	(3,073)	(1.8)

Jadual 8.5: Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Tunai Mengikut Projek

Perbelanjaan Tunai Sebenar Mengikut Projek	Tahun 2019		Tahun 2018		Varian	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Peralatan Bangunan Mint-SRC dan JRC (FKAAS)	-	-	10,702	8.0	(10,702)	(100.0)
Pembelian Peralatan	18,632	13.4	27,084	20.2	(8,452)	(31.2)
Projek Tebatan Banjir	303	0.2	511	0.4	(208)	(40.7)
Pembinaan Bangunan Akademia FKEE	903	0.6	6,653	5.0	(5,750)	(86.4)
Projek Infrastruktur	62	0.1	-	-	62	100.0
Pembinaan Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar dan Kafeteria Pusat	2,426	1.7	3,740	2.7	(1,314)	(35.1)
Pembinaan Bangunan Kerjasama ORICC dan PPS	9,100	6.5	2,973	2.2	6,127	206.1
Pembangunan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh	108,074	77.4	82,553	61.5	25,521	30.9
Pusat Teknologi Aeronatik	63	0.1	-	-	63	100.0
Jumlah	139,563	100.0	134,216	100.0	5,347	4.0

RM JUTA'



Rajah 8.4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tunai Pembangunan Bagi Tahun 2015 – 2019

Geran Tertunda

Berdasarkan kepada piawaian MPERS Seksyen 24.4(c), geran yang belum memenuhi tujuan dan syarat pemberian geran tersebut perlu dikelaskan sebagai geran tertunda yang merupakan liabiliti jangka panjang kepada Universiti. Jumlah geran tertunda UTHM pada tahun 2019 adalah sebanyak RM922,765,394 berbanding RM983,124,539 pada tahun 2018, pengurangan sebanyak RM60,359,145 (6.1%). Jumlah geran tertunda ini merupakan liabiliti jangka panjang yang masih belum dibayar atau direalisasikan. Jadual 8.6 menunjukkan perbandingan geran tertunda bagi tahun 2019 dan 2018.

Jadual 8.6: Perbandingan Geran Tertunda

Geran Tertunda	Tahun 2019	Tahun 2018	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Geran Pembangunan	881,088	920,212	(39,124)	(4.3)
Geran PFI	(12,347)	15,182	(27,529)	(181.3)
Geran Penyelidikan	30,942	22,770	8,172	35.9
Tabung dan Amanah	23,082	24,961	(1,879)	(7.5)
Jumlah	922,765	983,125	(60,360)	(6.1)


Aset dan Liabiliti

Bagi tahun 2019 jumlah aset UTHM adalah sebanyak RM1,999,204,280 berbanding dengan RM2,049,775,435 pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak RM50,571,155 (2.5%). Manakala liabiliti UTHM bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM1,320,645,911 berbanding dengan RM1,403,058,024 pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak RM82,412,113 (5.9%). Butiran jumlah aset dan liabiliti bagi tahun 2019 dan 2018 dapat dilihat dalam Jadual 8.7 manakala perbandingan dari tahun 2015 sehingga 2019 dapat dilihat dalam Rajah 8.5.

Jadual 8.7: Perbandingan Aset & Liabiliti

Aset & Liabiliti	Tahun 2019	Tahun 2018	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Aset	1,999,204	2,049,775	(50,571)	(2.5)
Liabiliti	1,320,645	1,403,058	(82,413)	(5.9)

RM BILION'



Rajah 8.5 : Perbandingan Aset & Liabiliti Bagi Tahun 2015 – 2019

Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan

Endowmen (al-Waqaf) ialah aset kewangan yang didermakan kepada institusi yang tidak berteraskan keuntungan sama ada dalam bentuk tabung pelaburan atau harta modal yang cara-cara penggunaannya telah ditetapkan oleh penderma. Kebanyakan endowmen biasanya menetapkan wang dari hasil pelaburan dari dividen yang diterima akan dibelanjakan dan menyimpan secara tetap wang derma asal.

Wakaf adalah suatu bentuk ibadah secara serahan harta yang dimiliki oleh seseorang untuk kegunaan umat Islam dengan niat sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

UTHM telah menubuhkan Pusat Endowmen bermula tahun 2012 dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan pada tahun 2016 yang memfokuskan kepada penjana pendapatan bagi tujuan memperkukuhkan dana untuk pendidikan dan juga kemampaan kewangan Universiti.

Sehingga tahun 2019, Pusat Endowmen telah menerima sumbangan berbentuk inkind berjumlah RM4,000,000. Manakala terimaan tunai sehingga 2019 berjumlah RM1,324,512 berbanding RM1,144,014 pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak RM180,498 (15.8%).


Manakala Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM sehingga tahun 2019 adalah sebanyak RM994,181 berbanding dengan RM1,027,001 pada tahun 2018 iaitu penurunan sebanyak RM32,820 (3.2%).

Butiran jumlah Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan bagi tahun 2019 dan 2018 dapat dilihat dalam Jadual 8.8 manakala perbandingan dari tahun 2015 sehingga 2019 dapat dilihat dalam Rajah 8.6.

Jadual 8.8: Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan

Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan	Tahun 2019	Tahun 2018	Varian	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Endowmen	1,325	1,144	181	15.8
Dana Wakaf Tunai Pendidikan	994	1,027	33	(3.2)

RM JUTA'



Rajah 8.6 : Perbandingan Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan Bagi Tahun 2015 – 2019



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 33, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 21.2 kepada Penyata Kewangan yang menerangkan baki sebenar geran PFI yang masih belum digunakan dan nota penyesuaian yang berkenaan dengannya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat

sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 5 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA


15 SEPTEMBER 2020



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **DATO' DR. MOHD SOFI BIN OSMAN** dan **PROFESOR DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



DATO' DR. MOHD SOFI BIN OSMAN

Pengerusi



PROFESOR DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY

Naib Canselor

Batu Pahat, Johor


Bertarikh : **01 MAR 2020**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **NORZAIMI BIN HAMISAN** (K/P No: 741219-01-6241), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Batu Pahat dalam Negeri Johor
pada **01 MAR 2020**

)
)
)
)

.....
NORZAIMI BIN HAMISAN
Bendahari

Di hadapan saya,



No. K4, Jalan Emas,
Kg. Kemangan Dato' Onn,
83000 Batu Pahat, Johor.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		UTHM	
	NOTA	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,267,183,289	1,333,388,509	1,266,639,159	1,332,548,805
Pelaburan Hartanah	4	4,571,675	5,645,000	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	5	-	-	4,000,000	4,000,000
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	6	-	32,170	-	-
Aset Cukai Tertunda	7	227,000	248,000	-	-
Muhibah Atas Penyatuan	8	19,646	-	-	-
		1,272,001,610	1,339,313,679	1,270,639,159	1,336,548,805
ASET SEMASA					
Inventori	9	6,706	-	-	-
Penghutang	10	39,475,567	32,433,000	38,285,199	31,219,826
Cagaran dan Hasil Akan Diterima	11	12,785,914	6,878,475	12,785,914	6,878,475
Deposit, Baki Bank dan Tunai	12	679,544,630	676,292,845	677,494,008	675,128,329
		731,812,817	715,604,320	728,565,121	713,226,630
JUMLAH ASET		2,003,814,427	2,054,917,999	1,999,204,280	2,049,775,435
EKUITI					
Kumpulan Wang Mengurus	13	402,401,649	344,687,063	402,401,649	344,687,063
Kumpulan Wang Tambahan	14	27,573,337	53,727,672	27,573,337	53,727,672
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	15	125,792,562	128,212,050	125,792,562	128,212,050
Kumpulan Wang Penyelidikan	16	6,595,626	7,470,086	6,595,626	7,470,086
Tabung dan Akaun Amanah	17	116,195,196	112,620,540	116,195,196	112,620,540
Keuntungan Berkumpul Syarikat Subsidiari	18	(102,281)	516,866	-	-
Ekuiti Boleh Diagihkan Kepada Pemilik Induk		678,456,089	647,234,277	678,558,370	646,717,411
Kepentingan Bukan Kawalan		29,093	-	-	-
JUMLAH EKUITI		678,485,182	647,234,277	678,558,370	646,717,411
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman	19	1,506,183	1,654,243	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan	20	289,538,575	324,595,344	289,538,575	324,532,423
Geran Tertunda	21	922,765,394	983,124,539	922,765,394	983,124,539
Manfaat Pekerja	22	17,126,122	14,778,204	17,126,122	14,778,204
Pendapatan Tertunda	23	26,302,429	19,046,415	26,302,429	19,046,415
		1,257,238,703	1,343,198,745	1,255,732,520	1,341,481,581
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang		2,257,264	4,172,119	1,899,984	3,847,426
Pemiutang Pelbagai	24	15,250,384	7,988,880	13,144,868	6,521,385
Pinjaman	19	236,772	323,734	-	-
Bank Overdraif	25	412,463	498,365	-	-
Pemiutang Pajakan Kewangan					
Jangka Pendek	20	49,346,699	50,929,647	49,283,778	50,635,400
Manfaat Pekerja	22	584,760	572,232	584,760	572,232
Peruntukan Cukai		2,200	-	-	-
		68,090,542	64,484,977	64,913,390	61,576,443
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		2,003,814,427	2,054,917,999	1,999,204,280	2,049,775,435

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN 2019 RM	2018 RM	UTHM 2019 RM	2018 RM
HASIL					
Pendapatan Geran	26	266,845,399	251,740,800	266,845,399	251,740,800
Geran Tertunda Direalisasikan	26	170,620,704	175,480,299	170,620,704	175,480,299
Yuran Pengajian		47,393,749	45,440,279	47,393,749	45,440,279
Pelbagai Pendapatan	27	32,251,773	34,114,254	30,388,795	29,763,843
Geran Aset Dilunas		492,360	492,360	492,360	492,360
JUMLAH HASIL		517,603,985	507,267,992	515,741,007	502,917,581
PERBELANJAAN					
Emolumen					
Gaji dan Upahan		132,114,402	125,318,148	131,349,658	124,290,703
Elaun-Elaun Tetap		35,926,059	34,985,012	35,914,318	34,944,388
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan		22,629,447	21,914,488	22,520,623	21,765,002
Elaun Lebih Masa Kakitangan		1,244,112	1,130,642	1,244,112	1,128,819
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain		975,632	1,023,048	973,442	1,022,109
Bantuan Khas Kewangan		2,147,094	3,807,505	2,147,094	3,807,505
		195,036,746	188,178,843	194,149,247	186,958,526
Perkhidmatan dan Bekalan					
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		2,661,872	3,102,518	2,467,392	2,510,842
Pengangkutan Barang-Barang		239,086	220,099	239,086	220,099
Perhubungan dan Utiliti		21,083,717	19,418,397	21,053,493	19,351,193
Sewaan		25,645,905	27,017,412	26,924,970	27,821,044
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		2,075,252	1,939,512	2,075,252	1,939,512
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		10,000,408	10,475,901	9,935,207	10,466,841
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		20,688,132	25,066,276	20,644,685	24,956,553
Penyelenggaraan Projek PFI		15,269,275	11,561,264	15,269,275	11,561,264
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti		29,533,775	43,454,120	28,325,438	41,051,646
		127,197,422	142,255,499	126,934,798	139,878,994
Pemberian dan Bayaran Tetap					
Perbelanjaan Cuti Belajar		1,673,069	2,000,000	1,673,069	2,000,000
Pemberian Dalam Negeri		675,142	87,290	675,142	83,370
Ganjaran		33,741	95,019	33,741	95,019
Gantian Cuti Rehat		3,391,375	2,982,935	3,391,375	2,982,935
Sumbangan Kepada Akaun MRF		6,700,278	9,277,308	6,700,278	9,277,308
		12,473,605	14,442,552	12,473,605	14,438,632
Susutnilai	3	100,127,832	93,059,534	99,834,586	92,655,871
Perbelanjaan Lain					
Bayaran-Bayaran Lain		1,039,661	14,767,288	306,552	14,216,844
Belanja Hapus Kira		354,607	146,726	266,479	146,726
Belanja Hutang Ragu		807,697	86,826	807,697	86,826
		2,201,965	15,000,840	1,380,728	14,450,396
JUMLAH PERBELANJAAN		437,037,570	452,937,268	434,772,964	448,382,419
LEBIHAN DARI OPERASI		80,566,415	54,330,724	80,968,043	54,535,162
Kos Kewangan					
Faedah Atas Bayaran Availability Charges		49,118,208	44,897,931	49,118,208	44,897,931
Faedah Atas Bayaran Peralatan Mengajar		-	5,301,607	-	5,301,607
Faedah Atas Bayaran Tanah Pajakkan		8,876	47,735	8,876	47,735
Faedah Atas Pinjaman Anak Syarikat		166,466	488,436	-	-
		49,293,550	50,735,709	49,127,084	50,247,273
BAHAGIAN KERUGIAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU		-	(16,879)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	28	31,272,865	3,578,136	31,840,959	4,287,889
CUKAI	29	(64,081)	601,155	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		31,208,784	4,179,291	31,840,959	4,287,889
LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH		31,208,784	4,179,291	31,840,959	4,287,889
Lebih Pendapatan Yang Boleh Diagihkan Kepada:					
Pemilik Induk		31,195,381	4,179,291	31,840,959	4,287,889
Kepentingan Bukan Kawalan		13,403	-	-	-
		31,208,784	4,179,291	31,840,959	4,287,889

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari RM	Jumlah RM	Kepentingan Bukan Kawalan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	327,603,945	52,141,839	9,147,535	132,220,397	121,315,806	625,464	643,054,986	-	643,054,986
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	9,979,166	32,208	(5,740,364)	-	-	(91,719)	4,179,291	-	4,179,291
	7,103,952	1,553,625	4,062,915	(4,008,347)	(8,695,266)	(16,879)	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	344,687,063	53,727,672	7,470,086	128,212,050	112,620,540	516,866	647,234,277	-	647,234,277
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	34,164,626	3,827,968	(6,824,960)	-	-	27,747	31,195,381	13,403	31,208,784
Faedah Tidak Dikawal - Syarikat Bersekutu	23,549,960	(29,982,303)	5,950,500	(2,419,488)	3,574,656	(673,325)	-	-	-
	-	-	-	-	-	26,431	26,431	15,690	42,121
Pada 31 Disember 2019	402,401,649	27,573,337	6,595,626	125,792,562	116,195,196	(102,281)	678,456,089	29,093	678,485,182

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

UTHM

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	327,603,945	52,141,839	9,147,535	132,220,397	121,315,806	642,429,522
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	9,996,045	32,208	(5,740,364)	-	-	4,287,889
	7,087,073	1,553,625	4,062,915	(4,008,347)	(8,695,266)	-
Pada 31 Disember 2018	344,687,063	53,727,672	7,470,086	128,212,050	112,620,540	646,717,411
Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan Antara Kumpulan Wang	34,837,951	3,827,968	(6,824,960)	-	-	31,840,959
	22,876,635	(29,982,303)	5,950,500	(2,419,488)	3,574,656	-
Pada 31 Disember 2019	402,401,649	27,573,337	6,595,626	125,792,562	116,195,196	678,558,370

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	KUMPULAN		UTHM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan Tahun Semasa	31,272,865	3,578,136	31,840,959	4,287,889
Pelarasan Untuk:				
Bahagian Kerugian dari Syarikat Bersekutu	-	16,879	-	-
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	100,127,832	93,059,534	99,834,586	92,655,871
Pelunasan Geran	(170,620,704)	(175,480,299)	(170,620,704)	(175,480,299)
Peruntukan Manfaat Pekerja	3,185,163	2,463,577	3,185,163	2,463,577
Peruntukan Hutang Ragu	807,697	86,826	807,697	86,826
Belanja Hapus Kira	266,479	146,726	266,479	146,726
(Rugi)/Untung Atas Pelupusan Hartanah, Loji & Peralatan	28,128	(4,650)	-	-
(Rugi)/Untung Atas Pelupusan Pelaburan Hartanah	60,000	(461,535)	-	-
Untung Daripada Pelarasan Nilai Saksama	673,325	(673,325)	-	-
Perbelanjaan/Pelarasan Tabung Amanah	(107,805)	(528,733)	(107,805)	(528,733)
Hasil Faedah	(25,624,007)	(24,770,967)	(25,541,466)	(24,288,584)
Bayaran Kos Kewangan	49,293,550	50,735,709	49,127,084	50,247,272
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(10,637,477)	(51,832,121)	(11,208,007)	(50,409,455)
Perubahan dalam:				
Inventori	(6,706)	2,974	-	-
Penghutang	(13,907,470)	(5,193,377)	(14,046,988)	(5,164,843)
Pemiutang	(8,526,516)	(30,303,897)	(9,031,617)	(29,545,356)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(33,078,169)	(87,326,421)	(34,286,612)	(85,119,654)
Faedah Diterima	25,624,007	24,770,967	25,541,466	24,288,584
Bayaran Cukai Pendapatan	(180,057)	(445,880)	-	-
Terimaan Balik Cukai	253,627	-	-	-
Bayaran Gantian Cuti Rehat	(824,717)	(523,132)	(824,717)	(523,132)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(8,205,309)	(63,524,466)	(9,569,863)	(61,354,202)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Bayaran Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	-	(49,049)	-	-
Bayaran Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	(11,011)	-	-	-
Bayaran Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(39,300,083)	(46,916,629)	(39,274,283)	(46,638,145)
Penerimaan daripada Jualan Pelaburan Hartanah	340,000	2,715,000	-	-
Penerimaan daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	4,650	-	-
Bayaran Kos Kewangan	(49,293,550)	(50,735,709)	(49,127,084)	(50,247,272)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(88,264,644)	(94,981,737)	(88,401,367)	(96,885,417)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terimaan Geran Tertunda Pembangunan dan Penyelidikan	112,247,444	108,504,521	112,247,444	108,504,521
Terimaan Geran Tertunda Amanah	19,085,593	43,106,141	19,085,593	43,106,141
Bayaran Balik Pinjaman dan Sewa Beli	(235,022)	(1,026,107)	-	-
Bayaran Balik Perkhidmatan Aset Konsesi	(31,290,375)	(3,135,218)	(30,996,128)	(2,761,965)
Tunai Bersih Dijana Dalam Aktiviti Pembiayaan	99,807,640	147,449,337	100,336,909	148,848,697

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UTHM	
	2019	2018	2019	2018
PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	3,337,687	(11,056,866)	2,365,679	(9,390,922)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	675,794,480	686,851,346	675,128,329	684,519,251
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	679,132,167	675,794,480	677,494,008	675,128,329
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI				
Deposit dibank dan syarikat kewangan berlesen	578,407,632	613,081,223	578,000,000	612,750,000
Baki bank dan tunai	101,136,998	63,211,622	99,494,008	62,378,329
Bank Overdraf	(412,463)	(498,365)	-	-
	679,132,167	675,794,480	677,494,008	675,128,329

Nota kepada Penyata Aliran Tunai:

Pada tahun semasa, terdapat tambahan hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM33,982,995 (2018: RM126,875,662) di mana RM5,291,288 (2018: RM80,237,517) dibiayai di bawah perjanjian Inisiatif Kewangan Swasta (*Private Finance Initiative*) dan pengaturcaraan sewa beli.

1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada asalnya merupakan sebuah Politeknik yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996. Pada 30 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Kolej Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

b. Pertukaran Nama

Pada 1 Februari 2007, KUiTTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Universiti yang dikenali sebagai UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

c. Aktiviti Utama

UTHM adalah sebuah Universiti yang mengkhusus dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Aktiviti syarikat subsidiari pula mengkhusus dalam bidang pengkomersilan hasil R & D, perundingan, pengujian dan penyewaan bangunan.

d. Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 1 Mac 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan UTHM telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, UTHM telah menggunakan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) menggantikan piawaian *Private Entities Reporting Standard* (PERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2016.

b. Asas Penyatuan

Mulai tahun 2004, akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan syarikat subsidiari yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Penyata kewangan yang disatukan disediakan dengan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sama bagi semua transaksi, peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Amaun dibawa bagi pelaburan dalam setiap anak syarikat dalam Kumpulan dihapuskan dengan bahagian ekuiti induk dalam setiap anak syarikat. Penyata kewangan yang disatukan menggabungkan aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai UTHM dan kesemua subsidiarinya. Maklumat syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan komprehensif semenjak daripada tarikh pengambilalihan tersebut atau sehingga tarikh penjualan menurut mana yang berkenaan.

Semua baki dan urus niaga antara kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada urus niaga dalam kumpulan juga dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan, kecuali apabila kerugian tidak direalisasi adalah kerugian rosotnilai.

Apabila kawalan dalam syarikat subsidiari hilang, Kumpulan tidak mengiktiraf aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari, sebarang kepentingan yang tidak dikawal dan komponen ekuiti lain berkaitan syarikat subsidiari tersebut. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul ke atas kehilangan kawalan diiktiraf dalam penyata kewangan. Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan di dalam syarikat subsidiari terdahulu, maka kepentingan itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang. Seterusnya ia diambil kira sebagai pelaburan ekuiti atau sebagai aset kewangan sedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh tertahan.

c. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan atau UTHM mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 hingga 50 peratus di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dilaporkan dalam Penyata Kewangan Disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian penurunan nilai. Penyata Kewangan disatukan termasuk bahagian untung atau rugi serta pendapatan komprehensif lain ekuiti syarikat bersekutu Kumpulan selepas pelarasan jika ada, untuk menyesuaikan polisi perakaunan tersebut dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh sehingga tarikh tamat pengaruh berkenaan.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam sesebuah ekuiti syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan itu termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya tidak diteruskan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, sebarang kepentingan tertahan dalam syarikat bersekutu terdahulu pada tarikh pengaruh yang ketara hilang ia diukur semula pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah dibawa awal aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang kepentingan tertahan ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan tersebut pada tarikh kaedah ekuiti tidak diteruskan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan yang tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga diklasifikasikan berkadar dengan untung atau rugi jika mendatangkan keuntungan atau kerugian akan dikehendaki dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

d. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah diantara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

e. Pelaburan Hartanah

Kumpulan UTHM mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk tingkat bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan termasuk hartanah dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia berada dalam objektif model perniagaan kumpulan untuk memegang harta untuk penghargaan modal, pendapatan sewa kedua-duanya. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos awal pengiktirafan. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga belian ditambah dengan semua kos yang terlibat secara langsung untuk membawa hartanah tersebut ke lokasi dan syarat yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai pelaburan hartanah. Kos hartanah pelaburan sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, butiran peralatan yang dilekatkan secara fizikal ke bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penghawa dingin, dianggap sebagai sebahagian daripada hartanah. Kumpulan UTHM menggunakan nilai saksama (*fair value*) untuk mengukur pelaburan hartanah selepas

pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut harga, jika boleh diperhatikan. Perubahan nilai saksama untuk pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tempoh dimana ianya dikenalpasti. Pelaburan hartanah yang lain diukur pada kos ditolakkan dengan susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

f. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Pemberian kerajaan untuk belanja mengurus diiktiraf berasaskan akruan dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.
- ii. Pemberian Kerajaan untuk belanja pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dimodalkan.
- iii. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda Penyelidikan dan dilunaskan mengikut belanja susutnilai aset dan belanja terus lain.
- iv. Geran yang diterima dalam bentuk aset diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh hayat aset tersebut.
- v. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- vi. Pendapatan Faedah dan Dividen

Pendapatan faedah meliputi hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berasaskan kaedah akruan.

- vii. Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.

viii. Pelbagai Pendapatan

Hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

g. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas. Pembelian harta modal yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit manakala pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM 50,000 akan dipermodalkan.
- ii. Pembelian buku yang bernilai RM3,000 dan ke atas bagi sebuah buku atau satu set adalah dikategorikan sebagai harta modal atau aset tetap mulai tahun kewangan 2009.
- iii. Semua pembelian perabot adalah dikategorikan sebagai belanja tidak luak atau inventori sahaja tanpa mengira nilai belian dan tidak lagi dipermodalkan sebagai aset mulai tahun 2009.

h. Susutnilai

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan wang masing-masing. Tanah milik bebas adalah tidak disusutnilaikan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Tanah Pajakan	1%-2%
Bangunan/Bangunan Pajakan PFI	2%
Kemudahan/Infrastruktur	10%

Kenderaan	20%
Perabot/Buku	20%
Alat-Alat Kelengkapan	25%
Alat-Alat Yang Didermakan	25%
Komputer	33.3%
Peralatan Mengajar	25%

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 1/2016 telah meluluskan perubahan pada kadar susutnilai tahunan yang digunakan bagi peralatan komputer daripada 25% (4 tahun) kepada 33.3% (3 tahun). Bagi tujuan pengiraan susutnilai, hanya perolehan komputer bagi tahun 2015 akan menggunakan kadar susutnilai baru tersebut.

i. Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila aset sedia digunakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan.

j. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan majikan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap dan kontrak serta ganjaran kepada pekerja kontrak yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun kewangan berikutnya diakaunkan sebagai manfaat jangka pendek.

ii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Piawaian dan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk semua pekerja tetap dengan andaian jumlah GCR adalah untuk 150 hari. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua dan tiga tahun berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan liabiliti jangka panjang dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iii. Pelan Caruman Tetap

UTHM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang memilih skim pencen. Sumbangan majikan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila perbelanjaan dilakukan dalam tahun kewangan berkenaan.

k. Liabiliti Cukai Pendapatan

UTHM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

I. Pajakan

- i. Terdapat 2 jenis pajakan aset iaitu pajakan kewangan (*finance lease*) dan pajakan operasi (*operation lease*). Pengelasan pajakan aset ini adalah berdasarkan kepada pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pajakan.
- ii. UTHM mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan sebenar aset. Sesuatu pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila pemilikan melibatkan risiko dan ganjaran yang ketara bersampingan dengan pemilikan aset tersebut. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.
- iii. Sewa beli (*Lease To Own*) pula merupakan kaedah sewa di mana pada akhir tempoh sewaan harta tersebut akan menjadi milik Universiti. Terdapat dua (2) kaedah pengakaunan sewa beli iaitu sebagai Harta Modal jika harta melebihi RM3,000.00 seunit dan akan dikelaskan sebagai Inventori jika nilai harta kurang daripada RM3,000.00. Penetapan nilai harta boleh dibuat mengikut nilai pasaran semasa oleh pihak yang mempunyai kepakaran.

m. Aset Pajakan Kewangan

Aset Pajakan Kewangan dikategorikan sebagai pajakan kewangan kerana hak milik aset akan dipindahkan kepada pemajak (UTHM) pada akhir terma perjanjian. Walaupun secara teknikal, pemindahan hak milik belum berlaku pada sepanjang tempoh konsesi, namun intipati dan realiti ekonomi sebenar lebih diambil kira dengan hakikat sebahagian besar manfaat dan risiko telah dipindahkan pada masa aset pajakan siap dan mula digunakan oleh UTHM.

Aset Pajakan Kewangan yang diperolehi melalui kaedah pajakan kewangan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) diiktiraf sebagai aset tetap UTHM selepas siap dibina. Polisi susutnilai ke atas aset pajakan adalah berdasarkan polisi perakaunan susutnilai UTHM, seperti di nota 2(h).

n. Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai dalam Penyata Kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam Penyata Kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

o. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya denominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam Untung dan Rugi.

p. Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

q. Instrumen Kewangan

i. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila UTHM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui penyata untung rugi). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Peghutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

ii. Penilaian Berikutan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:

- a. pulangan kepada pemegang yang ditentukan, iaitu jumlah yang tetap dan/atau kadar berubah penanda aras pulangan terhadap kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- b. tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- c. pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak boleh dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

